

Bil. 14

**Rabu
17 April 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

[Ruangan 1]

USUL:

Pelaburan Kerajaan Persekutuan Melalui Penukaran
Pinjaman RM3000 juta Kepada Ekuiti Dalam UDA
Holdings Sdn. Bhd.

[Ruangan 17]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995)
(No. 2) 1996

[Ruangan 20]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1995 dan
Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1996

[Ruangan 26]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,
D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

„ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI
MUSA, S.I.M.P. (Peringat).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- Yang Berhormat TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

Yang Berhormat TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Musalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 17hb April, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

HARGA BARANG—TINDAKAN
MENSTABILKAN

1. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut)** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menstabilkan harga barang yang naik ketika pegawai-pegawai kerajaan mendapat bonus sedangkan orang-orang kampung tidak mempunyai pendapatan lumayan atau bonus dan mereka memerlukan kepada barang-barang yang sama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita Malaysia mengamalkan sistem ekonomi bebas, dengan itu permintaan dan penawaran adalah merupakan faktor utama penentuan harga barangan. Walau bagaimanapun, terdapat faktor-faktor lain seperti kos pengangkutan, bahan mentah,

pertukaran mata wang asing dan sebagainya juga boleh mempengaruhi harga barangan di pasaran. Oleh yang demikian, perubahan harga barangan adalah merupakan kebiasaan bagi setiap negara yang mengamalkan sistem ekonomi tersebut.

Sungguhpun demikian, kerajaan sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi menentukan tidak berlaku kenaikan harga dengan sewenang-wenangnya tanpa sebab-sebab yang munasabah dan berpatutan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan ialah—

- (i) meletakkan harga beberapa barang-barang perlu. Pada masa ini barangan yang telah ditetapkan harganya ialah gula, tepung gandum, minyak petrol, minyak diesel, gas petroleum cecair, simen, roti dan ayam. Harga barangan ini tidak boleh dinaikkan kecuali mendapat persetujuan dan kelulusan kementerian ini;
- (ii) menjalankan pemeriksaan fizikal dengan lebih kerap untuk menentukan peniaga tidak melakukan 'profit dealing' dengan menaikkan harga barang-barang dengan sewenang-wenangnya;
- (iii) mengarahkan syarikat-syarikat pengeluar barang keperluan mengemukakan senarai harga runcit yang disyorkan dan meminta mereka menunjuk kepada kementerian ini sebelum menaikkan harga jualan sesuatu barangan;
- (iv) membincang dan mengemukakan segala masalah yang berhubung kait dengan harga dan bekalan barang-barang perlu kepada

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barang-barang Perlu bagi membolehkan keputusan segera diambil dan tindakan susulan yang bersesuaian dilakukan; dan

- (v) mengadakan Kempen Anti Inflasi dan Inflasi Sifar yang bertujuan untuk mendidik pengguna supaya berhemat di dalam berbelanja dan mendidik peniaga-peniaga supaya lebih beretika di dalam menjalankan urusan harian.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan pada masa ini. Bagi menangani masalah kenaikan harga barangan, selain daripada itu kementerian sentiasa membuat kajian ke atas undang-undang yang sedia ada bagi menentukan penyelewengan dapat dibendung. Di samping itu, kajian juga sedang dibuat bagi mengadakan perundangan-perundangan baru atau memperketatkan lagi undang-undang yang sedia ada serta merangka sistem yang difikir boleh menangani masalah berkenaan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah tindakan dan keberkesannya terhadap mereka yang menjejaskan kestabilan harga barang-barang?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian sentiasa berusaha untuk mengawal harga-harga barangan keperluan asas harian. Dalam pemeriksaan fizikal, kementerian telah memeriksa sebanyak 137,050 premis perniagaan dan seramai 2,343 peniaga telah melanggar undang-undang atau peraturan kementerian saya dan nilai

barang dirampas adalah RM1.5 juta. Langkah-langkah yang diambil ini tentulah telah berjaya untuk mengawal kenaikan harga barang oleh peniaga-peniaga dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah kepada kementerian dan kita tidak mempertikaikan tentang kewibawaan serta keupayaan kementerian dalam mengawal harga-harga barangan yang terkawal atau barang-barang perlu. Persoalannya ialah khususnya di pekan-pekan yang jauh daripada bandar dan di kampung-kampung, nampaknya kementerian masih belum berupaya dalam usahanya untuk mengawal harga-harga barang yang di luar daripada kawalan kementerian. Saya ingin tahu apakah usaha-usaha kerajaan dan kementeriannya khususnya dalam menangani masalah ini, khususnya di pusat-pusat perniagaan di luar daripada bandar?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya pun telah menetapkan sebanyak 77 jenis barang keperluan asas harian bagi golongan yang berpendapatan RM1,500 ke bawah atau orang-orang yang berada di kawasan pedalaman. Kementerian mengambil langkah-langkah ini kerana hendak menjaga kepentingan orang-orang yang tinggal di kawasan pedalaman.

Pegawai penguatkuasa di kementerian saya pun telah menjalankan tugas dengan memeriksa premis-premis perniagaan di kawasan kampung atau di kawasan pedalaman. Jadi, langkah-langkah yang diambil itu adalah untuk memastikan tidak ada kenaikan harga barangan dengan sewenang-wenangnya dan tindakan undang-undang akan diambil terhadap peniaga-peniaga yang bersalah.

KEMALANGAN MELIBATKAN PENUNGGANG MOTOSIKAL— LANGKAH MENGATASI

2. **Datuk S'ng Chee Hua (Julau)** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah punca kemalangan yang membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal paling banyak menjadi mangsa kemalangan khususnya pada musim perayaan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri baru-baru ini di mana kadar angka kematian meningkat jika dibandingkan dengan tahun lepas. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak terbabit untuk menangani masalah serta mengawal kemalangan di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, punca-punca utama kemalangan yang membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal pada amnya adalah seperti berikut:

- (i) kedudukan penunggang motosikal sebagai pengguna bermotor yang paling terdedah kepada kemalangan oleh kerana saiz yang kecil berbanding dengan pengguna bermotor yang lain seperti pemandu lori, pemandu bas dan pemandu motokar;
- (ii) menunggang melebihi had laju yang dibenarkan;
- (iii) menunggang dan memotong secara cuai, bahaya dan tidak menggunakan bahagian jalan raya yang khususnya digunakan oleh motosikal; dan
- (iv) mengekor kenderaan lain terlalu dekat.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang akan diambil untuk menangani masalah serta mengawal kemalangan jalan raya di seluruh negara termasuk pada

musim perayaan adalah dengan meneruskan pendekatan 3P, tetapi corak pelaksanaan senantiasia diubah suai dari masa ke semasa dan pendekatan atau pun strategi 3P ini adalah seperti berikut—

- (i) pendekatan pendidikan melalui kempen-kempen keselamatan jalan raya musim perayaan dan juga kempen pelbagai media, kegiatan ko-kurikulum di sekolah-sekolah, ceramah-ceramah dan pameran keselamatan jalan raya.

Sekarang, kegiatan aktiviti mengenai keselamatan jalan raya akan bermula di peringkat sekolah supaya penuntut-penuntut di sekolah menengah dapat menyedari betapa pentingnya keselamatan jalan raya dan juga pada masa yang sama, Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) juga diberikan peranan yang lebih penting untuk mengadakan lebih banyak aktiviti;

- (ii) pendekatan pengkejuruteraan untuk memastikan bahawa jalan raya di negara ini senantiasia selamat untuk digunakan dan masalah-masalah jalan raya seperti kesesakan jalan, kawasan kerap kemalangan ataupun black spots, dengan izin, dan kawasan-kawasan merbahaya dikenal pasti dan usaha memperbaikinya dilaksanakan.

Pendekatan ini juga memastikan bahawa kemudahan-kemudahan seperti jejantas, siar pejalan kaki dan lintasan zebra atau zebra crossing, dengan izin, untuk kegunaan pejalan kaki disediakan di mana perlu serta mengemaskini tanda-tanda jalan dari masa ke semasa.

Pada musim perayaan, segala kerja-kerja di jalan raya oleh pihak Kementerian Kerja Raya atau pun swasta akan diberhentikan dan usaha-usaha tambahan akan

diambil oleh Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya untuk membina lorong-lorong khususnya bagi laluan motosikal di jalan-jalan utama, termasuk lebuh raya seperti Lebuh raya Utara-Selatan;

- (iii) pendekatan penguatkuasaan juga akan terus dijalankan bagi memastikan bahawa pengguna-pengguna jalan raya, khususnya pemandu-pemandu senantiasanya mematuhi peraturan lalu lintas jalan raya. Oleh yang demikian, kemungkinan penguatkuasaan akan diperhebatkan lagi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejarah telah menunjukkan ramai anak muda kita mati oleh kerana menunggang motosikal. Tetapi, dalam keadaan yang sama, sebelum orang itu dibolehkan memandu kereta di jalan raya, pengajaran yang teliti, latihan yang terperinci dan sekolah-sekolah memandu yang dibuat dengan begitu rupa diadakan. Tetapi kematian berkurangan jika dibandingkan dengan penunggang motosikal. Jadi, sebaliknya pula, sebelum orang itu dibolehkan menunggang motosikal ataupun dibenarkan menunggang motosikal, dia hanya belajar sendiri secara ad-hoc serta latihan tidak menentu dan pelatih-pelatih itu pula lebih muda umurnya daripada orang yang dibenarkan memandu motokar di jalan raya.

Jadi soalan saya, apakah perancangan kementerian atau pun Jabatan Pengangkutan Jalan, sama ada untuk membuat sistem latihan atau pun pelajaran yang sama yang telah dibuat kepada pemandu motokar, seperti mana pemberian lesen kepada pemandu sebelum dibolehkan menunggang motosikal di jalan raya?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang

dikemukakan oleh Yang Berhormat, ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu selepas sesi percambahan fikiran yang diadakan di Port Dickson pada bulan yang lepas dan sesi percambahan fikiran ini dianjurkan oleh Kementerian Pengangkutan dan hasil ataupun rumusan sesi percambahan fikiran ini, iaitu pihak Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji sama ada satu sukatan baru dapat digubal di kalangan sekolah memandu supaya mengajar bakal-bakal pemandu dan penunggang motosikal kita agar mereka lebih menyedari betapa pentingnya keselamatan jalan raya ketika berada di jalan raya.

Dalam perkara ini, kemungkinan Kementerian Pengangkutan akan mengadakan satu sistem pengeluaran lesen iaitu selepas bakal penunggang motosikal ataupun bakal pemandu kereta telah lulus ujiannya, mereka akan diberikan lesen pada peringkat awal atau yang dikenali sebagai lesen pra sah untuk tempoh selama dua tahun. Jika dalam masa dua tahun ini pemegang lesen tidak melakukan sebarang kesalahan, lesen pra sah ini akan diberi pengesahan untuk mendapat lesen yang sah.

Memang ada langkah-langkah yang lain, tetapi segala langkah yang ada masih dalam peringkat kajian yang teliti oleh Kementerian Pengangkutan.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita ucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya telah bersusah payah berikhtiar untuk membantu anak muda kita ini supaya dapat berjalan betul di jalan raya. Banyak perkara yang telah pun digunakan oleh MKJR, pendekatan 3E ataupun 3P, topi keledar, lampu belakang, lampu depan siang malam, cermin tepi, pelekat cahaya dan sebagainya, iklan dan juga mass media banyak menekankan supaya anak muda memainkan peranan penting untuk

mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya.

Saya ingin tekankan, sama ada kementerian dapat memasukkan dalam kajian mereka khususnya mengenai penunggang motosikal, adakah patut kita kurangkan jumlah motosikal di atas jalan raya?

Kedua...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. *(Ketawa)*

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Kita tingkatkan disiplin melalui penguatkuasaan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta dua itu sahaja. *(Ketawa)*

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, penguatkuasaan akan diperhebatkan lagi. Ini adalah saya percaya menjawab soalan yang kedua.

Bagi soalan pertama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Arau, kita dapat melihat pada hari ini di negara kita terdapat 6,820,000 kenderaan meliputi semua jenis yang didaftarkan di negara ini pada hari ini dan melebihi 40% dari jenis-jenis kenderaan adalah motosikal dan jika kita kata hendak kurangkan motosikal di jalan raya, memang satu perkara yang amat tidak praktikal. Sebab, buat masa ini kita dapat lihat sebab apa begitu banyak motosikal di jalan raya? Oleh kerana motosikal adalah satu jenis pengangkutan yang paling murah, yang paling ekonomikal untuk rakyat kita. Bukan semua macam Yang Berhormat dari Arau, boleh beli Proton Saga. Ada ramai rakyat di kawasan pedalaman, di kampung masih menggunakan motosikal sebagai kenderaan. Memang tidak praktikal, tetapi walau bagaimanapun kita dapat meringankan ataupun mengelakkan kenaikan kadar kemalangan yang

melibatkan motosikal melalui lorong-lorong khusus yang akan dibina untuk laluan motosikal sahaja. Saya percaya kita pun tahu, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah pun setuju supaya semua jalan raya utama di negara kita dibina dengan lorong-lorong khusus untuk motosikal dan melalui kajian peringkat awal, jika menyediakan atau membina lorong-lorong ini untuk kegunaan motosikal, memang pasti iaitu 60% dari jumlah kemalangan yang melibatkan motosikal akan dikurangkan.

PIHAK BERKUASA TEMPATAN—JUMLAH HUTANG DAN PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN

3. Tuan Abd. Hamid bin Abd. Rahman (Sungai Benut) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan kerajaan tempatan yang berdaya maju khususnya dari segi sumber kewangan. Jumlah hutang yang ditanggung oleh kerajaan tempatan dan punca hutang tersebut; dan
- (b) prestasi pembayaran balik pinjaman dan langkah KPKT untuk memastikan kerajaan tempatan yang sedia ada dapat berdikari.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) Sebanyak 79 buah pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia berdaya maju dari segi sumber kewangan di mana kutipan hasil adalah berlebihan dari perbelanjaannya atau mempunyai simpan rezab yang melebihi setengah juta.

- (ii) Di dapati bahawa 56 pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan hutang dan jumlah hutang yang ditanggung adalah sebanyak RM393,796,364. Hutang tersebut adalah bertujuan untuk membayar Tunggakan Gaji Harun dan Kabinet, projek pembangunan, projek pembedungan najis, projek perumahan awam, projek pasar dan pelbagai hutang piutang yang lain-lainnya.
- (iii) Pinjaman itu diperolehi dari Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri dan bank-bank perniagaan tempatan.
- (b) (i) Secara keseluruhannya, pembayaran balik pinjaman yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan adalah memuaskan dan mengikut jadual yang dipersetujui di antara pihak pemberi pinjaman dan pihak peminjam kecuali pihak-pihak berkuasa tempatan di negeri Terengganu, Negeri Sembilan, Kelantan dan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang tidak begitu memuaskan.
- (ii) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan supaya pihak berkuasa tempatan dapat berdikari adalah seperti berikut:
- i. memastikan supaya kutipan hasil-hasil cukai tidak berlaku tunggakan;
 - ii. menggalakkan pihak berkuasa tempatan mengadakan penyemakan dan penilaian semula kadar-kadar cukai taksiran agar bersesuaian dengan pembangunan semasa;
 - iii. membantu dan menggalakkan pihak berkuasa tempatan melaksanakan projek pembangunan yang dapat memberikan pulangan kewangan kepada majlis; dan
 - iv. menggalakkan pihak berkuasa tempatan men-swastakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu supaya dapat mengurangkan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh pihak berkuasa tempatan.

Tuan Liew Ah Kim: Soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersetuju bahawa terdapat banyak masalah ataupun kelemahan di majlis-majlis daerah ataupun di majlis perbandaran? Kutipan-kutipan hasil tidak dapat dikutip dengan regular dan juga terdapat banyak masalah yang lain dari segi pentadbiran majlis-majlis tempatan. Adakah kerana ini kerajaan meragukan ataupun dengan sistem perlantikan tidak ada pilihan selama 20 tahun kebelakangan ini, adakah Yang Berhormat bersetuju kerana kebanyakan kelemahan yang berkenaan itu berpunca daripada sistem itu? Perlantikan pegawai-pegawai yang menduduki majlis perbandaran ataupun majlis daerah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Cukup!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kebanyakan Yang di-Pertua Majlis Daerah dan pengerusi pihak berkuasa tempatan terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan. Kalau saya boleh ambil cadangan Yang Berhormat tadi mengatakan kalau dipilih bermakna pengerusi ataupun Yang di-Pertua ini

mungkin terdiri daripada ahli-ahli politik. Kalau kita pilih mungkin pengerusi ataupun Yang di-Pertua ini tidak dapat mengambil tindakan yang sewajarnya apabila timbul masalah. Tetapi kalau inilah pandangan Yang Berhormat, kita akan kaji untuk meletakkan ahli-ahli politik sebagai Yang di-Pertua ataupun Pengerusi Majlis Tempatan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya menyokong pasal hendak bubuh ahli politik itu Tuan Yang di-Pertua. Ahli Parlimenlah terutamanya. *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Barisan Nasional.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Barisan. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat banyak juga majlis kerajaan tempatan yang menghadapi kesukaran kewangan ataupun "cash flow"nya apatah lagi untuk melibatkan diri mereka di dalam perniagaan ataupun mencari keuntungan daripada usaha sama dan sebagainya. Adakah kementerian bercadang untuk pertamanya memberi geran kepada majlis-majlis kerajaan tempatan untuk mereka menceburkan diri dalam bidang usaha sama projek-projek yang berjalan di dalam kawasan-kawasan mereka? Kerana Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang tanah itu milik kerajaan negeri bukan kerajaan tempatan, jadi depa hendak develop tidak boleh. Jadi, mungkin dengan adanya usaha-usaha yang masuk dalam kawasan-kawasan tersebut, dengan adanya peruntukan geran dari kementerian, maka depa dapat melibatkan diri dalam bidang usaha sama dan ini memberi keuntungan kepada majlis daerah dan kerajaan tempatan untuk mereka menjaga dan memperelokkan selain dari memberi perkhidmatan yang baik dan berdikari kepada rakyat di dalam kawasan majlis tempatan tersebut.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, lazimnya pihak berkuasa tempatan tidak dibenarkan untuk menjalankan usaha sama ataupun perniagaan. Tetapi seandainya mereka mempunyai tanah dan hendak dibuat penswastaaan, maka ini boleh dilakukan. Tetapi kalau mereka sendiri hendak memasuki bidang perniagaan maka ini tidak digalakkan. Kerana seandainya kerugian ditanggung oleh pihak berkuasa tempatan, ini sudah tentu akan menyulitkan lagi mereka yang tinggal dalam kawasan berkenaan. Tetapi kalau penswastaaan, misalnya kutipan sampah ataupun pembersihan kawasan, penjagaan pokok dan sebagainya, ini memang digalakkan.

IBU KOTA BERTUKAR KE PUTRAJAYA—TARIKH OPERASI

4. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai) minta Perdana Menteri menyatakan :

- (a) adakah ibu kota negara akan bertukar ke Putrajaya bila kota itu siap kelak dan bila kota itu akan bersedia beroperasi; dan
- (b) jika ia hendak dijadikan tapak perniagaan, apakah bentuk dan perniagaan yang sesuai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kuala Lumpur akan kekal sebagai ibu kota dan Putrajaya berperanan sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan sahaja. Putrajaya akan dibangunkan secara berperingkat seperti berikut:

Fasa Pertama: Tahun 1996 —2000

Fasa Kedua: Tahun 2001 —2005

- (b) Dalam pembangunan perancangan Putrajaya terbahagi kepada lima prinsip termasuk:

- (i) kerajaan;
- (ii) perdagangan;
- (iii) sivik dan kebudayaan;
- (iv) pembangunan campuran dan sukan rekreasi; dan
- (v) bentuk perniagaan yang dianggap sesuai adalah semua jenis yang sesuai di Putrajaya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, apakah kos yang sebenar untuk Putrajaya sebagai multimedia super corridor yang berhubung dengan lapangan terbang antarabangsa dan juga dengan KLCC?

Saya bertanya mengenai kos ini, kerana nampak kosnya adalah melambung dan Pengerusi Nippon Telegraf dan Telefon Matsushi Kogima juga Netscape Communication Corporation, Chairman Games Club telah pun berhubung dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memperbincangkan cara melaksanakan multimedia supercorridor ini. Memandangkan kegiatan-kegiatan sedemikian apakah kos yang sebenar akan dilaksanakan?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, projek-projek ini belum siap, jadi kita tidak tahulah kos sebenarnya. Kalau projek itu siap barulah kita tahu, tetapi sekarang ini kita hanya dapat anggarkan sahaja, perkara ini telah diberitahu beberapa kali.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan kerajaan tentang kegunaan bangunan-bangunan yang bakal dikosongkan oleh jabatan dan kementerian yang berpindah ke Putrajaya?

Dato' Dr. Ibrahim bin Saad: Kita anggarkan lebih kurang 1 juta kaki persegi, tetapi nampaknya selalu ada kekeliruan tentang hal ini, 1 juta kaki persegi yang

dikosongkan itu adalah lebih kurang 10 tahun. Jadi, saya rasa bangunan yang dikosongkan itu akan digunakan oleh kementerian-kementerian yang tidak pindah iaitu dua kementerian dan yang lain itu akan disewa.

PERKHIDMATAN JENTUAI PADI—MENGATASI KEKURANGAN

5. Tuan Md. Isa bin Sabu (kangar) minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha-usaha yang boleh/akan dijalankan oleh kementerian beliau bagi mengatasi kekurangan perkhidmatan jentuai padi serta mengawal tahap upah yang berpatutan terutama sekali di kawasan-kawasan jelapang padi di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib): Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penyertaan sektor swasta, Kementerian Pertanian akan bercadang mewujudkan Skim Pinjaman Mekanisasi dan Automasi di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Dengan penwujudan skim ini bagi membiayai pembelian jentera pertanian termasuk jentuai, adalah diharapkan ianya akan membantu pengusaha-pengusaha pertanian dan pertubuhan-pertubuhan peladang memiliki jentera-jentua pertanian yang mencukupi bagi mengatasi kekurangan perkhidmatan jentera terutama sekali di kawasan jelapang padi dan pada masa yang sama mewujudkan persaingan yang sihat dan menstabilkan kadar upah pada paras yang berpatutan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah kebanyakan jentuai atau jenteram pemotong padi ini dimiliki oleh tauke-tauke yang tidak ada kena-mengena dengan pengetahuan membuat bendang atau pesawah padi. Apakah langkah kerajaan secara konkrit untuk membantu

misalnya persatuan-persatuan peladang khasnya kemudahan pinjaman supaya mereka yang terlibat dalam membuat bendang padi ini boleh memiliki jentera? Begitu juga kilang padi misalnya banyak pengilang padi yang tidak ada kenamengena dengan mereka yang ada padi, jadi apa usaha kerajaan secara serius untuk membolehkan orang-orang membuat sawah dan juga mereka yang terlibat persatuan peladang memiliki jentuai padi ini?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, jentuai yang dimiliki oleh jabatan dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian adalah seperti berikut:

KADA	— 10 buah
Jabatan Pertanian	— 3 buah
IDB	— 2 buah

Kita juga ada lain-lain jentera yang dimiliki oleh pusat mekanisasi peladang di bawah Pertubuhan Peladang dan kita ada lebih kurang 69 buah. Selain daripada itu di bawah Skim Tabung Pemakanan iaitu Skim 3F, seseorang pengusaha pertanian dibenarkan untuk membuat pinjaman bagi membeli jentuai sekiranya pengusaha tersebut mempunyai sawah padi yang diusahakan. Inilah cara-caranya kita menambahkan jentuai. Tetapi pada keseluruhannya kementerian memang berpuashati sebab di kawasan MADA sendiri pun ada dianggarkan 650 buah jentuai padi. Jadi, jumlah ini mencukupi untuk menuai padi.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kerana Yang Berhormat juga merupakan bekas pegawai MADA yang begitu arif tentang masalah menuai padi. Sepertimana jawapan tadi, didapati tidak begitu banyak sangat bilangan jentuai padi iaitu sebanyak 650 buah dan bila padi masak, padi masak

serentak. Jadi, permintaan untuk jentuai ini terlalu tinggi dan kadar upah melambung, dan didapati pihak-pihak tertentu menggunakan nama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis bahawa mereka bersetuju untuk menaikkan kadar upah. Sungguhpun perkara ini tidak betul, adakah pihak Yang Berhormat akan cuba mengawal kenaikan kadar upah dan apakah kadar upah sekarang ini berpatutan dengan kemampuan petani-petani sendiri?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, di pihak kerajaan tidak dapat untuk memasuki bidang ini, yang disebutkan ialah kita cuba memberi perkhidmatan yang sesuai dan pada pendapat pihak kementerian, jentuai-jentuai yang ada adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, kalaulah mereka hendak menaikkan harga, itu adalah mengikut keadaan pasaran, sebab jentuai-jentuai di kawasan lain boleh pergi ke kawasan MADA seperti dari Perak dan Kelantan. Kita juga ada persaingan dalam hal ini, walaupun begitu kementerian akan mengambil maklum di atas masalah menuai padi dan akan membincangkan perkara ini dengan badan-badan itu.

PEMBUANGAN SAMPAH-SARAP— PENGUATKUASAAN DENDA

6. Tuan Vicent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) masyarakat kita masih belum mempunyai tahap kesedaran sivik yang tinggi. Ini jelas dengan kejadian yang masih berleluasa orang membuang sampah sarap di merata-rata tempat. Kenapakah perundangan yang melarang sampah sarap dibuang di merata tempat tidak dikuatkuasakan; dan

- (b) apakah tindakan lain yang boleh diambil oleh kerajaan memandangkan undang-undang yang sedia ada tidak berkesan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar akan kejadian orang ramai membuang sampah-sarap merata-rata yang berleluasa di beberapa kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan larangan membuang sampah merata-rata, tetapi kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan hanya mempunyai kemampuan penguatkuasaan yang terhad.

- (b) Kementerian ini sedang merancang program dan kempen kesedaran mengenai kebersihan kepada orang ramai melalui media-massa dan sebagainya. Kementerian berharap melalui kempen-kempen kesedaran seumpama ini, orang ramai akan lebih komited untuk sama-sama memelihara persekitaran yang dicemari oleh pembuangan sampah merata-rata. Dalam hal ini wakil rakyat-wakil rakyat juga mempunyai peranan penting menggalakkan tabiat dan amalan kebersihan di kalangan penduduk dalam kawasan masing-masing.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain dari denda wang, adakah pihak Yang Berhormat akan memperkenalkan satu sistem hukum 'kerja buruh' di mana pesalah akan diwajibkan menjalankan kerja buruh seperti mencuci longkang

dan menyapu jalan, sebab sistem ini pun telah terbukti di negara jiran, amat efektif sekali?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak berkuasa tempatan memang mempunyai kuasa-kuasa untuk mendenda mereka yang membuang sampah dan sebagainya. Tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi, oleh kerana penguatkuasaannya terhad, maka kadangkadangkang perkara ini tidak dapat dilaksanakan. Misalnya, di setengah-setengah tempat kita dapat melihat tanda-tanda mengatakan 'kalau buang sampah dendanya RM500,' tetapi jarang sekali kita melihat ataupun mendengar ada orang-orang yang ditangkap membuang sampah dan didenda. Bagaimanapun, kalau ada pihak-pihak berkuasa tempatan yang hendak melaksanakan sebagaimana cadangan Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu mengenakan denda kemasyarakatan, bukan kewangan, tetapi mungkin mereka dikenakan kutip sampah dan sebagainya, kalau ini hendak dilaksanakan, dan boleh dilaksanakan mengikut undang-undang yang ada, saya rasa ini juga merupakan satu cadangan yang baik.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada hal Singapore is a fine city, dengan izin, kerana di sana sebarang pembuangan sampah dikenakan denda yang berat, dan sikap orang ramai terhadap sampah ataupun membuang sampah itu adalah sangat positif. Mengapakah kita tidak boleh memperkenalkan cara yang sama seperti di Singapura, selain daripada kempen kita kenakan denda yang berat, terutama sekali kepada pembuang sampah-sarap dan juga kepada pihak berkuasa tempatan yang tidak dapat menjalankan tugas mengutip sampah ataupun kontraktor-kontraktor swasta yang tidak dapat mengutipkan sampah-sarap pada jadual

yang berkala. Saya minta Timbalan Menteri jawab sama ada kita boleh ambil tindakan begitu?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan saya pada soalan nombor 3 tadi, ada beberapa pihak berkuasa tempatan, iaitu 56 buah yang terlibat dengan hutang dan sebagainya. Jadi, bagi pihak berkuasa tempatan ini sudah tentu mereka tidak mempunyai kewangan untuk menguatkuasa daripada segi kebersihan ataupun dari segi pembuangan sampah. Itulah sebabnya kita menyarankan supaya diadakan kempen-kempen kebersihan.

Kalau semua Ahli-ahli Parlimen benar-benar komited, kerana kebanyakan Ahli-ahli Parlimen akan duduk dalam jawatankuasa pembangunan ataupun tindakan daerah. Kalau ini dapat disarankan setiap kali kita bermesyuarat, saya yakin dalam masa yang tidak jauh di hadapan, kita akan dapat mengurangkan perkara-perkara yang tidak diinginkan dan kita dapat mengadakan satu keadaan yang lebih bersih di negara kita. Itulah sebabnya saya mengatakan tadi bahawa peranan ini juga boleh dimainkan oleh Ahli-ahli Parlimen dan juga Wakil-wakil Rakyat dalam masa mereka melaksanakan tugas harian mereka.

TARAF KESIHATAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN — KEDUDUKAN

7. **Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah keadaan kesihatan di Wilayah Persekutuan amnya dan di kawasan Kepong khususnya daripada pelbagai segi. Apakah kesan kedua-dua tapak pelupusan sampah di Jinjang Utara ke atas kawasan Kepong. Apakah kemudahan-kemudahan kesihatan yang disediakan. Apakah langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kedudukan taraf kesihatan sesuatu kawasan itu, ianya dapat diukur dengan menggunakan beberapa petunjuk tertentu. Di antara petunjuk-petunjuk itu ialah kadar kematian perinatal, kadar kematian bayi, kadar kematian ibu bersalin, liputan pelalihan, liputan lawatan pertama ibu mengandung dan petunjuk kemajuan kesihatan.

Berdasarkan kepada perangkaan bagi tahun 1989 hingga 1993 kadar kematian perinatal, kadar kematian bayi dan kadar kematian ibu bersalin bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah lebih rendah dibanding dengan Semenanjung Malaysia.

Petunjuk-petunjuk kemajuan perkhidmatan kesihatan pula seperti nisbah penduduk kepada kemudahan kesihatan menunjukkan bahawa taraf kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah di antara yang terbaik berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Dalam hal ini, keadaan kesihatan di kawasan Kepong adalah tidak jauh bezanya dengan kawasan lain di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Berhubung dengan perkara tapak pelupusan di Jinjang Utara, Kementerian Kesihatan tidak menafikan bahawa jika tapak pelupusan sampah tidak diuruskan dengan baik boleh mengakibatkan pencemaran dan menimbulkan kacauanggu terhadap kesihatan. Namun pihak DBKL telah mengambil tindakan untuk mengurangkan dan menutup terus tapak pelupusan di Jinjang Utara dan menggunakan tapak-tapak lain untuk pelupusan iaitu di Taman Beringin dan tapak pelupusan sampah swasta di Air Hitam, Puchong. Tapak pelupusan Taman Beringin adalah merupakan tapak sementara. Pihak DBKL sedang berurusan dengan syarikat yang mengendalikan tapak pelupusan di Air Hitam bagi melanjutkan

tema masa untuk menerima sampah-sarap dari DBKL sehingga ke sebelah malam.

Adalah dijangkakan urusan ini dapat diselesaikan dalam tempoh dua bulan, dan dengan demikian tapak pelupusan Taman Beringin akan tidak digunakan lagi untuk melupuskan sampah-sampah domestik. Ia akan hanya digunakan untuk melupus sampah-sarap binaan dan sampah kebun yang hanya akan menimbulkan kesan pencemaran dan kesihatan yang sedikit. Bagi mengurangkan kesan-kesan negatif tersebut, pihak DBKL mengambil langkah-langkah dengan menimbus sampah-sarap setiap hari dan menyembur ubat-ubatan untuk membunuh serangga-serangga pembawa penyakit terhadap tapak pelupusan di Taman Beringin.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya jawapannya lebih baik sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. (*Disampuk*) Walau bagaimanapun, kerana Yang Berhormat memang sibuk dalam Kementerian Kesihatan sahaja dan ada setengah-setengah keadaan yang tidak difahami. Misalnya, pada mulanya —jawapan dalam Dewan ini pihak.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya?

Dr. Tan Seng Giaw: Ini kita hendak beri dia tahu sedikit, taklimat sedikit.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw:kalau tidak, jawapan tak tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Dr. Tan Seng Giaw: Ahli-ahli Yang Berhormat jangan bising sangat. Saya beri dia memahami keadaan yang sebenar. Kalau sedar, tak akan kacau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila, sila teruskan dengan soalnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalnya, memandangkan kementerianya telah mengambil sedikit-sebanyak langkah, dan ada pun perkhidmatan yang baik juga dari beberapa segi, adakah Yang Berhormat akan memastikan janji untuk menutup kawasan pelupusan sampah ini dikotakan. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya mesti terangkan sedikit. Walaupun Yang Berhormat, sebelum.....

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Dr. Tan Seng Giaw:... Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dahulu telah pun menerangkan kepada saya semua ini akan ditutup pada bulan Januari tahun ini. Tetapi sekarang sudah bulan April, dan itu pun satu tapak pelupusan baru yang dinamakan Taman Beringin, beberapa ela sahaja daripada tapak yang lama. Cuma nama ditukar, tetapi isi kandungan serupa juga. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak cukup lagi, Tuan Yang di-Pertua. Lebih 20 tahun penderitaan rakyat di Jinjang dan Kepong.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan sudah cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah, dia pun faham.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya pun menjawab soalan ini mendapat kerjasama daripada Pejabat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kita difahamkan bahawa tapak pelupusan di Jinjang Utara ini akan ditutup pada bulan Jun.

PERKHIDMATAN INTERNET— KADAR BAYARAN

8. Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian supaya lebih ramai lagi rakyat Malaysia akan menikmati perkhidmatan internet dengan kadar yang berpatutan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan Jaring/Internet sedang diperluaskan ke seluruh negara. Lebih kurang 100 buah nod baru akan dipasang untuk membolehkan orang ramai mendapat kemudahan Jaring/Internet dengan kos panggilan tempatan dari mana-mana sahaja yang mempunyai kemudahan telefon.

Pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos juga sedang menetapkan kadar panggilan khas untuk pengguna Jaring/Internet

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada pihak kementerian dan kerajaan untuk meningkatkan keupayaan penggunaan internet. Namun demikian, kadang-kadang kita selalu mendengar tentang anak-anak muda (murid-murid sekolah) mendapat maklumat atau data access dari internet ini dengan tidak ada penapisan, unsur-unsur negatif masuk ke dalam bilik tidur, bilik sekolah, terutama sekali berasaskan kepada benda-benda yang lucah. Saya ingin meminta sedikit penjelasan atau jawapan daripada kementerian atau Timbalan Menteri apakah usaha kerajaan untuk menapis supaya data-data melalui internet ini hanya yang baik untuk pembangunan negara sahaja dilepaskan, seperti ada ura-ura untuk meletakkan alat yang dipanggil alat "V" yang dikenakan

kepada tiap-tiap alat PC supaya ditapis data-data yang memasuki ke rumah-rumah kita nanti.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, memang ada ditapis melalui Jaring tetapi barangkali sesekali terlepas juga—itu tidak tahulah. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Telekom mendapat keuntungan RM1.6 bilion, bolehkah kerajaan mendesak Telekom memberikan satu sumbangan terhadap pembangunan IT supaya kadar talian tidak dinaikan dan apa pendirian kerajaan sekarang mengenai cadangan Telekom mengenai rebat untuk pengguna-pengguna internet di mana dicadangkan bahawa untuk 25 jam pertama RM20.00 akan dikenakan dan 25 jam kemudian, bayaran RM30.00 dan kemudian 3 sen seminit. Ini bererti lebih daripada 60% atau 70% daripada bayaran sekarang dan sudah tentulah akan menjadi satu beban yang berat. Bolehkah Telekom, oleh kerana mendapat untung yang besar memberikan sumbangan terhadap pembangunan IT dan kekalkan caj yang ada sekarang.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kadar khas untuk internet akan diumumkan pada bulan Jun ini.

KWSP—LAPORAN UNTUNG RUGI KEPADA PENCARUM

9. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian pernah mengeluarkan laporan terperinci lengkap dengan perangkaannya sekali kepada semua pencarum tentang untung rugi semua pelaburan yang dibuat oleh pengurusan KWSP; dan

- (b) jika belum bukankah sudah tiba masanya dibuat demikian agar pencarum-pencarum boleh membuat analisis dan memberi cadangan untuk memantapkan pengurusan wang masa tua mereka itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Walaupun laporan terperinci mengenai pengurusan wang dan pendapatan pelaburan KWSP tidak diedarkan kepada semua pencarum, maklumat mengenai prestasi pelaburan KWSP boleh diperolehi dalam laporan tahunan KWSP yang dikeluarkan pada setiap tahun dan dibentangkan di Parlimen.
- (b) Maklumat-maklumat yang terdapat di dalam laporan tahunan KWSP adalah lebih daripada mencukupi untuk setiap pencarum membuat analisis hasil wang caruman mereka.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ramainya pencarum-pencarum, jadi adakah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini mempunyai cadangan untuk mengemukakan penyata kewangan dan juga jumlah pelaburan-pelaburannya di akhbar-akhbar tempatan supaya pencarum-pencarum mendapat pengetahuan yang lebih lengkap berhubung dengan pelaburan tempat yang mereka mencarum.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, KWSP tidak mempunyai rancangan untuk mengiklankan penyata kewangannya di dalam akhbar-akhbar tempatan kerana untuk maklumat. KWSP adalah sebuah agensi yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen.

Oleh itu sebagai sebuah badan berkanun amalan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan tahunan perlu berasas kepada Akta Badan Berkanun, 1980 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil.5, Tahun 1994, iaitu Laporan Tahunan perlu dikemukakan kepada Ketua Audit Negara, menteri berkenaan, jemaah menteri dan dibentangkan di Parlimen dahulu.

Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, KWSP ada melabur di beberapa syarikat dan sebanyak 14 buah syarikat telah dilaburkan dan senarainya ada pada saya pada masa ini tetapi cukup kalau kita katakan Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd.— amaunnya sebanyak RM350 juta, Syarikat Asia Capital Private Ltd. - amaunnya US\$20 juta, Pahang Simen Sdn. Bhd.— amaunnya RM300 juta, Arab-Malaysian Kredit Bhd.— amaunnya RM100 juta.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah dan tindakan kementerian untuk memastikan agar dividen KWSP tidak kurang daripada 8%?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan yang di-Pertua, perkara ini telah pun dijawab beberapa kali di Dewan yang mulia ini dan saya tidak bercadang hendak menjawabnya lagi. (*ketawa*)

KAD PENGENALAN LAMA — BILANGAN PEMEGANG

10. Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah orang yang belum lagi menukarkan kad pengenalan lama mereka kepada kad pengenalan yang baru.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, bilangan pemegang kad

pengenalan lama berbentuk plastik yang belum menukar kepada Kad Pengenalan Bermutu Tinggi sehingga Februari tahun ini ialah 2,737,250 orang.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan di Sabah hanya lebih kurang 40% sahaja pemegang kad pengenalan lama telah menukarkan kad pengenalan mereka kepada kad pengenalan baru. Dan saya juga difahamkan bahawa satu daripada sebab mengapa rakyat begitu reluctant, dengan izin, untuk menukar kad pengenalan mereka ialah kerana beberapa kejadian di mana bila kad pengenalan itu diserahkan kepada Jabatan Pendaftaran, sebelum mendapat balik kad pengenalan mereka ditukar pula kepada orang lain. Jadi, saya ingin mendapatkan kepastian daripada kementerian adakah ini betul dan apakah tindakan untuk mengatasi masalah kelewatan ataupun keengganan rakyat untuk menukar kad pengenalan mereka?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini jumlah bilangan permohonan pertukaran kad pengenalan di Sabah yang telah diterima oleh ibu pejabat JPN ialah sebanyak 635,573 iaitu lebih daripada 40%. Adalah tidak benar bahawa kalau sekiranya seseorang pemegang kad pengenalan yang sah itu kadnya akan ditukarkan kepada kad orang lain. Sebaliknya kalau seseorang itu memegang kad pengenalan palsu, dia hendak tukar, maka akan dibongkar bahawa kad itu adalah palsu selepas siasatan dan saya seru kepada orang Sabah jangan bimbang, datanglah cepat supaya dalam tempoh 8 bulan ini tukarkan kad pengenalan mereka dan JPN mempunyai rekod yang betul di Kuala Lumpur bahawa siapa sebenarnya betul-betul orang Sabah.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, tempoh yang tinggal

sebelum tamatnya tarikh penukaran kad pengenalan lama kepada yang baru hanya tinggal lapan bulan sahaja tetapi bilangan orang yang belum menukarkan kad pengenalan lama mereka kepada yang baru khususnya di negeri Sarawak yang dianggarkan lebih 200,000 orang, begitu besar sekali.

Soalan tambahan saya, yang pertama, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan mereka yang belum berbuat demikian supaya berbuat demikian khususnya di negeri Sarawak.

Yang kedua, apakah tindakan

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, satu sahaja.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang sedang diambil oleh JPN di seluruh negara termasuk Sarawak, Sabah dan juga kawasan-kawasan pedalaman di kampung-kampung di Semenanjung ialah dengan mempertingkatkan perkhidmatan mobile services iaitu perkhidmatan bergerak, kita menghantar pasukan ke kampung-kampung untuk membantu dan ini merupakan satu langkah yang berkesan.

Saya mengambil kesempatan ini menyerulah kepada orang ramai terutamanya mereka di kampung-kampung supaya keluar untuk menukar kad pengenalan dalam beberapa bulan ini, jangan tunggu sampai bulan terakhir kerana pada masa itu semua keluar sekali —susah. Tetapi daripada jadual yang telah dirancangan oleh JPN, memang dalam masa lapan bulan ini kita boleh mengatasi dua juta lebih kerana di tahun lepas JPN telah berjaya mengatasi 3,579,000 dalam satu tahun, itu pun tahun lepas kira tak berapa berkesan kalau dibandingkan dengan sekarang. Sistem sekarang jauh lebih berkesan, maka kalau orang datang beramai-ramai dalam masa lapan bulan

ini tak ada masalah untuk melengkapkan exercise ini.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, dua orang sudah.

Yang Berhormat Tuan Amihamzah bin Ahmad.

(Soalan No. 11—Y.B. Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis) tidak hadir)

**PERSATUAN BARU PELAJAR
MELAYU DI MESIR—
SEBAB PENUBUHAN**

12. Dr. Sanusi Daeng Mariok (Rantau Panjang) minta Menteri Luar negeri menyatakan sebab-sebab mengapa Kedutaan Besar Malaysia di Mesir menubuhkan persatuan baru bagi pelajar-pelajar Melayu di Mesir untuk menggantikan persatuan yang sedia ada.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia Mesir itu telah dilakukan untuk memastikan yang pelajar-pelajar kita di Mesir itu mempunyai satu badan pelajar yang mewakili semua pelajar di sana.

Pada masa itu, badan pelajar yang ada, adalah cuma merupakan badan-badan sosial yang dianggotai oleh kumpulan-kumpulan pelajar. Kita berpendapat bahawa satu persatuan induk bagi pelajar-pelajar Malaysia itu penting untuk menjamin adanya kerjasama yang berkesan dan perpaduan di kalangan mereka.

Cadangan ini telah pun mendapat restu dan persetujuan daripada Kementerian Dalam Negeri Mesir kerana Kementerian Dalam Negeri Mesir memang sentiasa mengawasi sebarang langkah yang diambil

oleh kerajaan asing menubuhkan persatuan-persatuan pelajar di Mesir.

Jadi, dengan adanya restu dan iktiraf yang diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri Mesir, maka persatuan ini telah pun ditubuhkan pada 12hb Mac, 1992 dan saya dimaklumkan pada waktu ini ramai pelajar di Mesir yang menyokong persatuan ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada persatuan pelajar-pelajar di Mesir, adakah kerajaan bercadang juga untuk mereformkan balik persatuan-persatuan pelajar di negara-negara lain oleh kerana ada juga di negara lain, persatuan-persatuan pelajarnya kadang-kadang bertindak menjatuhkan imej kerajaan negeri kita. Di samping itu mungkin persatuan pelajar ini juga boleh mengadakan kelas-kelas Bahasa Melayu, memperkenalkan bahasa kita di luar negara kita. Jadi, apakah kementerian akan memastikan persatuan pelajar ini benar-benar bersih dan bertujuan untuk belajar.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hal ehwal pelajar di luar negeri ini adalah tanggungan Kementerian Pendidikan, tetapi saya bolehlah menyatakan di sini bahawa pada waktu ini persatuan-persatuan pelajar kita di negeri-negeri lain nampaknya bukanlah bertindak menentang kerajaan seperti yang dianggapkan oleh Ahli Yang Berhormat bahkan segala kegiatan-kegiatan mereka itu adalah boleh dikatakan umumnya baik walaupun ada juga segelintir pelajar-pelajar yang berpendapat yang agak kritikal terhadap kerajaan tetapi bagi kita ialah yang sebaik-baiknya ialah mengadakan pelbagai kursus untuk mereka yang diadakan pada masa musim cuti dan kursus-kursus itu didapati adalah berkesan dan baik untuk memberi penerangan yang sejelasnya kepada mereka tentang dasar kerajaan, pembangunan negara dan dasar luar.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 dan 13 hingga 47 akan dijilid dalam buku berasingan)

USUL

PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MELALUI PENUKARAN PINJAMAN RM300 JUTA KEPADA EKUITI DALAM UDA HOLDINGS SDN. BHD.

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

“Bahawa Dewan ini, selaras dengan peruntukan Seksyen 8(3)(a)(iv) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan melabur dalam UDA Holdings Sendirian Berhad melalui penukaran pinjaman Kerajaan Persekutuan dengan Perbadanan Pembangunan Bandar sebanyak RM300,000,000.00 kepada ekuiti dalam UDA Holdings Sendirian Berhad.”

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan menjawab.

3.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah membincangkan Usul.

Pertanyaan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah mengenai penswastakan UHSB melalui

penyenaraian di BSKL dan sama ada kerajaan akan menjual baki saham kepada individu.

Saya ingin menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa fungsi kerajaan dalam menswastakan agensi-agensinya adalah melalui dua kaedah. Pertamanya, agensi tersebut diswastakan terus seperti makmal ubat dan stor di Petaling Jaya dan keduanya dikorporatkan dahulu dan kemudian diswastakan seperti Telekom.

Selain daripada itu, bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan menjadi lebih efisien dan untuk mengurangkan pemberhentian sumbangan kewangan dari kerajaan, tindakan korporatisasi juga diambil seperti penubuhan Malaysia Airport Berhad.

Bagi kes UDA pula, tindakan yang dibuat sekarang adalah untuk mengkorporatkan, menyenaraikannya di BSKL belum timbul lagi, apa yang saya perkatakan semalam ialah secara umum sahaja tetapi UDA atas nama yang baru UHSB akan dikorporatkan dahulu sepertimana yang dikatakan oleh menteri yang berkenaan dan kalau tiba masanya nanti diswastakan.

Jadi, kerajaan tidak akan menimbang untuk menswastakan selagi UDA Holdings Sendirian Berhad berperanan sebagai agensi amanah yang diperkatakan semalam untuk menjaga kepentingan bumiputera dalam pembangunan bandar seperti yang dijamin oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan kelmarin.

Jika dengan takdir UHSB diswastakan, kerajaan akan mengadakan golden share dalam syarikat ini yang menetapkan supaya syarikat mengikuti dasar-dasar kerajaan, perlantikan ahli lembaga pengarah dan pengerusi ditentukan oleh kerajaan sendiri dan penjualan saham perlu mendapat kelulusan kerajaan.

Perkara berhubung dengan penjualan baki saham kepada individu jika UHSB disenaraikan di BSKL tidak timbul kerana kerajaan tidak bercadang untuk menyenaraikan buat ketika ini.

Soalan yang kedua, mengenai sama ada kerajaan ada memberi grant kepada UDA, jawapannya ialah untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti yang telah dimaklumkan, kerajaan tidak akan memberi grant kepada UDA untuk membiayai aktivitinya.

Walau bagaimanapun, seperti yang telah disebutkan, kerajaan ada memberi grant kepada UDA tetapi untuk disalurkan kepada projek jawatankuasa penyertaan bumiputera di Pulau Pinang yang mana UDA telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek itu.

Selain daripada grant, kerajaan juga ada memberi pinjaman sebanyak RM51 juta melalui UDA untuk melaksanakan projek ini. Pinjaman ini telah dikeluarkan dan diserahkan terus kepada jawatankuasa tersebut apabila UDA dikorporatkan.

Mengenai perbezaan angka hutang UDA oleh Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri dan teguran dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya rasakan semua betul tetapi angka mana yang dipilih. Sehingga akhir tahun 1995, kerajaan telah mengeluarkan pinjaman kepada UDA sebanyak RM1,331 juta yang juga disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan. Ini mengambil kira bayaran balik yang telah dibuat sebanyak RM999.14 juta yang terbahagi kepada pembayaran awal sebanyak RM673 juta, melalui hasil penjualan Dayabumi—RM443 juta dan Peremba RM230 juta dan pembayaran balik sebelum dan selepas penjadualan semula sebanyak RM256 juta dan elemen-elemen faedah pada akhir tahun 1995 UDA tidak mempunyai tunggakan lagi.

Dengan baki hutang sebanyak RM900 juta, sebanyak RM300 juta ditukarkan kepada ekuiti dan selebihnya RM607 juta perlu dibayar balik oleh UDA Holdings Sendirian Berhad.

Mengenai pulangan ekuiti berbanding dengan pinjaman kepada kerajaan, saya ingin menegaskan di sini bahawa kerajaan akan mendapat pulangan dari ekuitinya dalam UDA Holdings Sendirian Berhad melalui dividen yang akan dikeluarkan beserta projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh UHSB tanpa bantuan kewangan sepenuhnya dari kerajaan. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya hendak bertanya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana saya rasa masih belum jelas lagi apakah kedudukan sebenarnya hutang pinjaman yang dialami oleh UDA sekarang sungguhpun Yang Berhormat menyatakan bahawa semuanya betul, jawapan yang berbeza-beza di antara Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, Timbalannya dan juga pihak Kementerian Kewangan. Sungguhpun berbeza-beza tetapi adalah betul, saya rasa itu tidak boleh diterima kerana akhirnya apakah kedudukan kewangan? Kalau Yang Berhormat cakap menyatakan RM900 juta lebih tetapi untuk pihak Kementerian Pembangunan Usahawan semasa perkara ini dibawa pada hari Isnin menyatakan bahawa; di sini saya quote:

“Kalau ini satu kesilapan, kita boleh terima tetapi ini mungkin akan digunakan sebagai satu sumber asas”.

Dan saya memetik *Hansard* ucapan Timbalan Pembangunan Usahawan yang menyatakan jumlah pinjaman yang diterima oleh UDA sehingga tahun 1995

ialah RM1,313.13 juta, jumlah yang telah dibayar balik setakat Disember 1995 ialah sebanyak RM929.14 juta. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, bakinya lebih kurang RM400 juta dan bukan RM900 juta lebih seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Kalau cara penyampaian atau pemberian maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak betul, saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh betulkannya. Kalau tidak nanti kita anggap pinjaman itu RM400 juta tetapi sebenarnya RM900 juta atau sebaliknya kerana RM500 juta itu satu perbezaan yang sangat besar, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua tentang penyenaian di dalam BSKL. Semalam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak menyatakan secara umum tetapi menyebut tentang penyenaian UHSB di BSKL sebagai satu sebab utama mengapakah cadangan untuk mempermodalkan sebahagian daripada pinjaman ini dibentangkan oleh pihak kerajaan, tetapi hari ini berlainan pula. Nampaknya tujuan untuk menyenaraikan UHSB di BSKL dalam masa kurang daripada 24 jam telah digugurkan.

Mungkin ada sebab-sebab tertentu, tetapi saya rasa itu memang dalam rancangan kerajaan untuk menyenaraikan UHSB. Saya harap Yang Berhormat boleh berikan jaminan kalau penswastaan dijalankan, ia mesti berdasarkan tender terbuka dan memastikan kepentingan rakyat dipelihara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, semalam saya meminta geran yang telah diberikan oleh kerajaan kepada UDA sejak ia ditubuhkan pada tahun 1971. Bolehkah Yang Berhormat memberikan jumlah atau angka geran yang diberikan oleh pihak kerajaan sejak ia ditubuhkan sama ada kepada syarikat ibu atau anak-anak syarikat? Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:
Terima kasih, Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya ingin menjawab soalan yang paling hampir dengan saya iaitu mengenai ucapan saya semalam. Saya ulang balik:

“Pelaburan kerajaan dalam UHSB dijangka akan memberi pulangan yang tinggi kepada Kerajaan Persekutuan pada masa hadapan apabila UHSB diswastakan dan disenaraikan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur”.

Di sini katanya, sebagai sebuah entiti korporat yang kita hendak korporatkan sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri, UHSB akan dapat memainkan peranan, dengan lebih gigih lagi selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara dan ini akan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat negara ini serta juga pembangunan sahamnya.

Jadi, kemungkinan, that is iaitu kemungkinan, kalau misalnya UHSB ini diswastakan tetapi buat masa ini, apa yang diperkatakan oleh Menteri semalam, kita ingin mengkorporatkannya dulu. Dan preamble saya tadi, saya katakan kita ada tiga cara ataupun dua cara bagaimana kita hendak menswastakan agensi-agensi kerajaan kerana Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa pada ketika ini ekonomi kita berunsurkan “private led”, pihak swasta yang menonjol dan pihak-pihak kerajaan cuma akan memberikan facilitating function sahaja, dengan izin.

Mengenai geran yang diperkatakan, kita ada pemberian langsung pentadbiran (administrative grant) ini berjumlah RM166.107 juta kesemuanya pada tahun 1995 sebelum diaudit tetapi apa yang hendak saya utarakan di sini semalam mengenai angka-angka yang telah diperkatakan bahawa sehingga tahun 1995 cara keseluruhannya, kerajaan telah mengeluarkan pinjaman kepada UDA sebanyak RM1,331 juta yang disebutkan oleh Timbalan Menteri itu, tetapi

pembayarannya tertunggak-tunggak dan oleh kerana itu kerajaan telah membuat jadual semula dan pada satu ketika apabila UDA telah membayar secara 'lump sum' pada tahun 1991 hasil daripada penjualan Syarikat Paremba Sdn. Bhd., UDA tidak mempunyai sebarang masalah lagi untuk pembayaran balik sehingga dikatakan oleh Timbalan Menteri kelmarin, UDA telah "pre-payment". Jadi oleh kerana itu tahun 1992, UDA telah membayar RM15 juta, tahun 1993 UDA membayar juga RM15 juta, tahun 1994 UDA membayar RM16 juta dan tahun 1995 UDA membayar RM25 juta tetapi ada lagi baki sebanyak RM907 juta.

Oleh kerana itu, apa yang dibuat oleh kerajaan RM300 juta diberi dalam bentuk equiti dan lebihnya RM607 juta yang dikatakan oleh Menteri semalam, digenapkan menjadi RM610 juta akan dibayar balik oleh entiti UDA yang baru ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah habiskah ucapannya?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Menteri Kewangan yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, selaras dengan peruntukan Seksyen 8(3)(a)(iv) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan melabur dalam UDA Holdings Sendirian Berhad melalui penukaran pinjaman Kerajaan Persekutuan dengan Perbadanan Pembangunan Bandar sebanyak RM300,000,000.00 kepada ekuiti dalam UDA Holdings Sendirian Berhad."

hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

"Bahawa Dewan ini, selaras dengan peruntukan Seksyen 8(3)(a)(iv) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan melabur dalam UDA Holdings Sendirian Berhad melalui penukaran pinjaman Kerajaan Persekutuan dengan Perbadanan Pembangunan Bandar sebanyak RM300,000,000.00 kepada ekuiti dalam UDA Holdings Sendirian Berhad."

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1995) (NO. 2) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

3.49 ptg.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM14,893,839,294.00 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1995 adalah berjumlah Ringgit Malaysia lima belas bilion, tiga ratus lapan puluh enam juta, satu ratus empat puluh empat ribu, sembilan ratus lapan puluh empat (RM15,386,144,984.00). Daripada jumlah ini, sebanyak Ringgit Malaysia empat belas bilion, lapan ratus sembilan puluh tiga juta lapan ratus tiga puluh sembilan ribu, dua ratus sembilan puluh empat (RM14,893,839,294.00) diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini manakala bakinya sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh dua juta, tiga ratus lima ribu, enam ratus sembilan puluh (RM492,305,690.00) adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Sebanyak RM14 bilion di bawah Maksud B.30—Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek-projek pembangunan. Tindakan ini hanya merupakan pindahan antara akaun sahaja iaitu dari akaun hasil disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Tambahan sebanyak RM310.5 juta di bawah Maksud B.26—Kementerian Pendidikan yang mana sebanyak RM249.5 juta untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995 dan sebanyak RM61 juta sebagai pemberian kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk Perbelanjaan Mengurus 1995.

Pecahan tambahan mengikut IPT adalah seperti berikut:

- (i) Universiti Kebangsaan Malaysia sebanyak RM6 juta;
- (ii) Universiti Sains Malaysia sebanyak RM0.9 juta;

- (iii) Universiti Teknologi Malaysia sebanyak RM2 juta;
- (iv) Universiti Utara Malaysia sebanyak RM8.1 juta,
- (v) Universiti Islam Antarabangsa sebanyak RM11.1 juta;
- (vi) Universiti Malaysia Sarawak sebanyak RM 2.5 juta; dan
- (vii) Institut Teknologi MARA sebanyak RM30.4 juta.

Tambahan sebanyak RM206.6 juta di bawah Maksud B.36—Polis Diraja Malaysia untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995.

Tambahan sebanyak RM135.7 juta di bawah Maksud B.29—Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM53.7 juta untuk membayar balik sebahagian daripada perbelanjaan mengurus bagi beberapa perkhidmatan di bawah senarai bersama Perlembagaan yang telah dibelanjakan oleh negeri-negeri;
- (ii) sebanyak RM30 juta untuk membiayai kos berkaitan dengan penswastaaan kereta-kereta saloon Kerajaan Persekutuan;
- (iii) sebanyak RM38.4 juta untuk membiayai subsidi bahan-bahan petroleum;
- (iv) sebanyak RM9.1 juta untuk menampung bayaran kerugian pertukaran matawang asing bagi pinjaman ASEAN, Japan Development Fund;
- (v) sebanyak RM2.4 juta untuk membiayai bayaran balik caruman pencen yang telah dibuat oleh Bank Simpanan Nasional yang telah diasingkan daripada Sistem Saraan Sektor Awam bagi membolehkannya membuat

caruman kebelakangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan

- (vi) sebanyak RM2.1 juta untuk pemberian kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi kos penyelenggaraan jalan raya tahun 1995.

Tambahan sebanyak RM99.7 juta di bawah Maksud B.34—Kementerian Kesihatan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM78.2 juta untuk bayaran imbuhan kakitangan awam 1995;
- (ii) sebanyak RM20 juta sebagai sumbangan kerajaan kepada Majlis Kanser Nasional (MAKNA);
- (iii) sebanyak RM1.5 juta sebagai sumbangan kerajaan kepada Pusat Hemodialisis Mawar, Negeri Sembilan.

Tambahan sebanyak RM81.6 juta di bawah Maksud B.25—Kementerian Pertahanan untuk membiayai imbuhan kakitangan awam 1995, perbelanjaan Anggota Tentera Malaysia di Bosnia Herzegovina dan peralatan bagi anggota Tentera Malaysia yang berkhidmat di bawah I-FOR-NATO di Bosnia Herzegovina.

Tambahan sebanyak RM10.6 juta di bawah Maksud B. 31—Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995, sewaan ruang pejabat, kos penyelenggaraan peralatan Sistem Maklumat Kastam, mesin pejabat, kenderaan Jabatan, rumah kediaman kakitangan, bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan, mencuci pejabat dan tuntutan arahan pertukaran.

Tambahan sebanyak RM9.3 juta di bawah Maksud B. 53—Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk

membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995 bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan perbelanjaan bagi menjalankan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan Malaysia/Indonesia.

Tambahan sebanyak RM9.2 juta di bawah Maksud B.54—Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995 bagi Lembaga Pemuliharaan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) dan bagi Pihak Berkuasa Pekebun-pekebun Kecil Getah (RISDA).

Tambahan sebanyak RM9 juta di bawah Maksud B.22—Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai aktiviti-aktiviti promosi pelancongan di Jepun, sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada muzium-muzium negeri dan perbelanjaan bagi bekalan pejabat.

Tambahan sebanyak RM4.9 juta di bawah maksud B.35—Kementerian Dalam Negeri untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995.

Tambahan sebanyak RM3.4 juta di bawah Maksud B.40—Jabatan Penjara untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995.

Tambahan sebanyak RM3.2 juta di bawah Maksud B. 37—Jabatan Imigresen untuk membiayai bayaran emolumen, pelarasan elaun seberang laut dan sewaan ruang pejabat baru cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tambahan sebanyak RM3.2 juta di bawah Maksud B.16—Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995.

Tambahan sebanyak RM2.3 juta di bawah Maksud B.39—Jabatan Pendaftaran Negara untuk membiayai bayaran imbuhan kakitangan awam 1995.

Tambahan sebanyak RM2.1 juta di bawah Maksud B.28—Perbendaharaan untuk membiayai kontrak perkhidmatan juruperunding berhubung dengan pembelian pesawat F/A - 18D.

Tambahan yang lain sebanyak Ringgit Malaysia dua juta, enam ratus dua puluh dua ribu, tujuh ratus sembilan belas (RM2,622,719) adalah dikehendaki untuk membiayai berbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, B.10—Jabatan Peguam Negara, B.13—Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, B.15—Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, B.23—Jabatan Arkib Negara dan B.24—Jabatan Muzium dan Antikuiti.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 1995 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1996 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 1996.

Sekarang, izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1995 dan Tambahan Pertama, 1996.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1995 adalah berjumlah Ringgit Malaysia empat ratus enam belas juta, lapan ratus tiga puluh ribu, enam ratus lapan puluh empat (RM416,830,684). Daripada jumlah tersebut, sebanyak Ringgit Malaysia tiga ratus sembilan puluh juta, lapan puluh ribu, enam ratus tujuh puluh empat (RM390,080,674) perbelanjaan cara langsung dan sebanyak Ringgit Malaysia dua puluh enam juta, tujuh ratus lima puluh ribu, sepuluh (RM26,750,010) adalah perbelanjaan pinjaman.

Tambahan-tambahan bagi membiayai projek-projek pembangunan mengikut kementerian/jabatan adalah seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM89.4 juta di bawah Maksud P.26—Kementerian Pendidikan bagi membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM14 juta untuk bayaran kemajuan pembinaan sekolah-sekolah rendah;
- (ii) sebanyak RM3.4 juta untuk membiayai bantuan modal kepada 200 buah sekolah;
- (iii) sebanyak RM35.4 juta untuk membiayai bayaran kemajuan projek pembangunan bagi Universiti Pertanian Malaysia, Hospital Universiti dan Universiti Islam Antarabangsa;
- (iv) sebanyak RM26.6 juta untuk membiayai projek-projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) jangka panjang Universiti Malaya, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Sains Malaysia; dan
- (v) sebanyak RM10 juta untuk pembelian bangunan Institut Terjemahan Negara.

Tambahan sebanyak RM80 juta di bawah Maksud P.54—Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk perbelanjaan-perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM31 juta bagi bayaran kemajuan pembinaan jalan-jalan di luar bandar dan jalan-jalan kampung yang telah siap; dan
- (ii) banyak RM49 juta untuk membiayai bayaran kenaikan kadar bantuan tanaman semula getah tahun 1995.

Tambahan sebanyak RM64 juta di bawah Maksud P.28—Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:

Sebanyak RM39.5 juta untuk menampung kos pembangunan Fasa 1, Zon Komposit Teknologi di Batu Berendam, Melaka bagi projek Composites Technology Research Malaysia dan sebanyak RM24.5 juta sebagai tambahan ekuiti Kerajaan Malaysia dalam Syarikat Dataran Perdana Sdn. Bhd.

Tambahan sebanyak RM40.7 juta di bawah Maksud P.16—Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai pembelian peralatan dan jentera serta kenderaan bagi balai-balai baru yang siap dibina dan juga untuk menggantikan peralatan/jentera yang rosak dan tidak boleh dipakai lagi.

Tambahan sebanyak RM35.9 juta di bawah Maksud P.36—Polis Diraja Malaysia untuk membiayai projek alat-alat perhubungan Polis Diraja Malaysia iaitu projek pembekalan dan pemasangan Integrated Digital Secure Communication System dan Projek Automatic Message Handling System dan Networking.

Tambahan sebanyak RM26.7 juta di bawah Maksud P.47—Kementerian Pengangkutan sebagai pinjaman untuk menjelaskan sebahagian tuntutan 10% bayaran pendahuluan kontrak pembelian 44 set train komuter Electric Multiple Unit (EMU) bagi projek meningkatkan keupayaan KTM.

Tambahan sebanyak RM16 juta di bawah Maksud P.31—Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk membiayai bayaran kemajuan pembinaan bangunan-bangunan pejabat dan rumah kediaman Jabatan Kastam dan Eksais Diraja serta bagi perolehan kenderaan, enjin sangkut, lanci dan alat prosesan data automatik.

Tambahan sebanyak RM15.3 juta di bawah Maksud P.18—Kementerian Perusahaan Utama untuk menjalankan pelbagai projek pembangunan berikut:

- (i) sebanyak RM2.5 juta untuk membiayai sebahagian dari kos pembinaan makmal perintis koko di Bangi, Selangor dan untuk menampung pembelian peralatan makmal kimia dan teknologi di Inanam, Sabah dan makmal perintis di Bangi Selangor;
- (ii) sebanyak RM2.9 juta untuk membiayai pembelian peralatan sprinkler bagi kawasan tanaman tembakau di Kelantan, kos pembinaan bangunan pusat pemasaran dan pejabat Kuala Terengganu, Bangunan Dewan Syarahan Pusat Latihan Lembaga Tembakau Negara (LTN) di Pasir Putih, kerja-kerja tanah bagi tapak pusat pemasaran di Peringat dan pejabat LTN Terengganu serta kos bangunan tambahan kepada Bangunan Pusat Pemasaran Bachok;
- (iii) sebanyak RM1.6 juta untuk menyiapkan projek infrastruktur perkampungan perabot Kedah dan Pahang;
- (iv) sebanyak RM1 juta untuk membiayai kos bayaran tanah bagi menubuhkan stesen luar penyelidikan di kawasan Kampung Bari Besar, Mukim Calok, Setiu dan kos menyiapkan Stesen Penyelidikan Luar FRIM di Setiu, Terengganu;
- (v) sebanyak RM2.1 juta untuk membiayai projek ladang getah perintis, mewujudkan sistem maklumat perhutanan negara, projek bagi kajian ekonomi sistem pengusahahasilan hutan, kajian keluaran bukan kayu dan projek "multi storied forest

management systems”, kerja-kerja ubah suai bangunan bagi Muzium Perhutanan, dan untuk membiayai pembinaan bangunan pejabat baru Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;

- (vi) sebanyak RM0.4 juta untuk membiayai bekalan dan penghantaran jentera kilang papan bagi projek kilang papan percubaan Jabatan Perhutanan Sarawak;
- (vii) sebanyak RM0.7 juta untuk membiayai pembelian mesin untuk kilang papan penyelidikan dan membiayai kerja-kerja penyelidikan perhutanan, Jabatan Perhutanan Sabah;
- (viii) sebanyak RM0.6 juta untuk membiayai kerja-kerja pembinaan bangunan empat tingkat Institut Penyelidikan Galian Malaysia (PEGAMA);
- (ix) sebanyak RM3.5 juta untuk membiayai pembinaan Pusat Latihan Getah Asli dan pembelian peralatan di bawah program penyelidikan getah pelbagai serta membiayai program/projek IRPA Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRI).

Tambahan sebanyak RM15 juta di bawah Maksud P.51—Kementerian Luar Negeri untuk membiayai pembelian Pangsapuri Hyde Park Gate di London, United Kingdom dan pembelian tanah di Beijing.

Tambahan sebanyak RM10.5 juta di bawah Maksud P.53—Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk menampung bayaran mesin dan alat-alat yang telah dibekalkan oleh kontraktor bagi Jabatan Ukur dan Pemetaan serta untuk menampung bayaran kemajuan pembinaan bangunan Jabatan Ukur Negeri Perak.

Tambahan sebanyak RM8.8 juta di bawah Maksud P.44—Kementerian Penerangan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM7.1 juta untuk membiayai kos peralatan projek Liputan Radio VHF/FM dan Studio Radio Baru Labuan;
- (ii) sebanyak RM1.7 juta untuk membiayai bayaran kemajuan pembinaan Pejabat-pejabat Penerangan Daerah di Sabah dan Sarawak dan pembinaan Auditorium Johor Bahru.

Tambahan sebanyak RM7.7 juta di bawah Maksud P.45—Kementerian Sumber Manusia untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM2.8 juta untuk membiayai kos kerja-kerja pembinaan bagi menambah dan meningkatkan kemudahan, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur, Kuala Terengganu dan Johor Bahru;
- (ii) sebanyak RM1.0 juta untuk membiayai pembelian peralatan dan komputer multimedia dan bayaran perkhidmatan pakar-pakar yang berkhidmat di Pusat Latihan Pengajar dan Latihan Lanjutan Shah Alam (SIAS);
- (iii) sebanyak RM3.3 juta untuk menampung bayaran kos pembinaan dan pembelian peralatan Pusat Kesihatan dan Keselamatan Pekerja di Bangi, Selangor;
- (iv) sebanyak RM0.6 juta untuk membiayai kos pengajar mengikuti latihan di luar negeri dan kos permulaan tapak Pusat Latihan Kemahiran Teknologi Tinggi Shah Alam Selangor.

Tambahan sebanyak RM4.0 juta di bawah Maksud P.24—Jabatan Muzium

dan Antikuiti untuk membiayai bayaran kemajuan pembinaan bangunan tambahan Muzium dan untuk membiayai kerja-kerja penyelidikan di bawah projek Penyelidikan Arkeologi Negara.

Tambahan sebanyak RM3.0 juta di bawah Maksud P.42—Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membiayai projek-projek Rumah Seri Kenangan Bedong dan Taiping, Rumah Budak Laki-laki Melaka dan Pusat Latihan Perindustrian Pemulihan Orang Cacat Bangi, Selangor.

Yang lainnya merupakan sebagai tambahan peruntukan tanda sebanyak RM40 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7—Jabatan Perdana Menteri, P.20—Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan P.35—Kementerian Dalam Negeri.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1995 adalah seperti yang dinyatakan dalam Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1996 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5A Tahun 1996.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1996 adalah berjumlah RM118,990,030. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM112,200,030 perbelanjaan cara langsung dan sebanyak RM76,790,000 adalah perbelanjaan pinjaman.

Tambahan-tambahan bagi membiayai projek-projek pembangunan mengikut kementerian/jabatan adalah seperti berikut:

- (i) sebanyak RM112.2 juta di bawah Maksud P.49—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk membiayai Projek Penjanaan 2 x 20 mw "Barge-Mounted" di Teluk Sepang, Sabah;

- (ii) sebanyak RM76.8 juta di bawah Maksud P.48—Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebagai pinjaman bagi Skim Pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk melaksanakan kegiatan pembasmian kemiskinan di seluruh negara, dan

- (iii) sebanyak RM30 sebagai peruntukan tanda di bawah Maksud P.25—Kementerian Pertahanan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1996 adalah seperti yang dinyatakan dalam Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1996 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6A Tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1995 dan Tambahan Pertama, 1996 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.4) 1995 DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 1996

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dato' Haji Shafie bin Mohd. Saleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Peraturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang

Pembangunan 1996, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia enam ratus lima juta, lapan ratus dua puluh ribu, tujuh ratus empat belas (RM605,820,714) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:

- (i) bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus enam belas juta, lapan ratus tiga puluh ribu, enam ratus lapan puluh empat (RM416,830,684) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan
- (ii) bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu ratus lapan puluh lapan juta, sembilan ratus sembilan puluh ribu, tiga puluh (RM188,990,030) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut."

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang. Dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.22 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengulangi perkara-perkara yang sering kami utarakan sama ada di dalam dan di luar Dewan ini. Banyak perkara seperti pendatang asing tanpa izin, projek-projek mega, kebebasan akhbar, banjir, surat layang terhadap hakim-hakim, kekurangan doktor, guru, sekolah satu sesi dan internet menarik perhatian ramai. Langkah-langkah kerajaan telah menimbulkan kontroversi.

Tuan Yang di-Pertua, pada tempoh hari menara kembar Petronas di pusat bandaraya Kuala Lumpur, KLCC telah diisytiharkan sebagai yang tertinggi di dunia ketika ini, sebelum bangunan yang lebih tinggi siap dibina di negara-negara lain, termasuk China. Gelaran ini tidak sedikit pun menjejaskan ego atau keperibadian kita.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya gelaran pengurusan projek-projek mega yang paling baik di dunia terdapat di Malaysia, maka kita semua akan berasa lebih bangga. Projek-projek infrastruktur yang kosnya melebihi RM1 bilion adalah dipanggil projek-projek mega, projek raksasa. Misalnya pembinaan Pusat Pentadbiran Putrajaya—RM20 bilion, sebelum ini RM15 bilion dianggarkan, lapangan terbang antarabangsa—RM9 bilion, projek Hidroelektrik Bakun—RM15 bilion, sistem LRT Kuala Lumpur—RM7.5 bilion dan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil—RM0.73 bilion. Jumlahnya Tuan Yang di-Pertua, dari sekarang sampai tahun 2000, anggarannya lebih RM50 bilion. Walaupun dikatakan sebahagian besar kos pelaksanaannya adalah dibiayai oleh pihak swasta, akhirnya pihak swasta terpaksa mengambil balik wang ini daripada rakyat jelata. Ini bermakna wang yang digunakan lebih RM50 bilion ini akan dikutip balik daripada rakyat Malaysia.

Sekiranya pelaksanaan projek-projek tersebut adalah pelaburan yang terbaik sekali di dunia untuk kebajikan generasi ini dan generasi akan datang serta pengurusan di semua aspek projek-projek mega itu, adalah paling efisien di dunia. Bukan alang kepalangnya, Tuan Yang di-Pertua, gembira orang-orang Malaysia, gelaran seumpama ini adalah di antara yang terunggul di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sejak merdeka beberapa peristiwa telah berlaku di bidang kehakiman dan perundangan di negara ini termasuk kes pemecatan Ketua Hakim Negara; anggapan peguam-peguam terhadap sesetengah hakim; sikap hakim terhadap sesetengah peguam; standard kehakiman dan standard perundangan dan akhir-akhir ini surat layang terhadap sesetengah hakim, yang telah pun dibangkitkan oleh beberapa rakan saya termasuk Yang Berhormat dari Tanjong

selaku Ketua Pembangkang dan Yang Berhormat dari Jelutong yang membangkitkan hal-hal ini.

Ucapan Yang Berhormat dari Tanjong pun ada menyentuh dengan panjang lebar mengenai keadaan kehakiman di negara ini. Peristiwa-peristiwa ini telah menimbulkan kebimbangan mengenai sistem kehakiman dan perundangan di negara ini.

Dua hari yang lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan di Majlis Perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Undang-undang Komanwel di Kuala Lumpur. Pengalaman Malaysia telah menunjukkan bahawa mutu penghakiman di mahkamah negara ini merosot disebabkan kegagalannya untuk bersaing dengan pembangunan dalam bidang perundangan, di bidang-bidang kuasa kehakiman ini.

Tuan Yang di-Pertua, jelaslah menunjukkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun mengakui masalah yang wujud dengan sistem kehakiman dan perundangan di negara ini. Beliau terus mengatakan bahawa peruntukan tertentu dalam Akta Undang-undang Sivil telah dipersalahkan bagi kewujudan keadaan sebegini dan saya berani katakan telah menyebabkan pembekuan pemikiran perundangan.

Tidak ada perkara yang lebih tragik daripada undang-undang yang adil, tetapi dilaksanakan secara tidak adil. Adalah berbahaya untuk membiarkan undang-undang dianggap berbeza daripada keadilan, daripada segi moral dan jika ini berlaku dia akan memungkinkan perbuatan ketidakadilan secara terang-terangan, dengan cara yang dimaksudkan mengikut undang-undang.

Mahkamah undang-undang mestilah pada masa yang sama menjadi mahkamah keadilan dan segala keputusan yang

diberikan bukan sahaja harus mematuhi keperluan undang-undang yang ketat, tetapi memenuhi tuntutan keadilan dan kesaksamaan. Jika keputusan itu dilakukan semata-mata untuk memenuhi keperluan penghujahan daripada segi undang-undang sahaja tanpa mengambil kira sudut pandangan kebiasaan, maka tidak hairanlah jika keputusan itu dianggap sebagai sesuatu yang bercanggah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang meluluskan undang-undang di Dewan yang mulia ini, kami mestilah sentiasa prihatin kepada sistem kehakiman dan perundangan. Keadilan semua akta dan mutu kehakiman serta mutu perundangan, pelaksanaan undang-undang dengan adil adalah terpenting sekali. Kedaulatan undang-undang telah pun termaktub di dalam Rukun Negara yang merupakan salah satu prinsip dan amalan-amalan negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan peristiwa-peristiwa tersebut, kami mengesyaki mutu kehakiman dan perundangan telah merosot seperti mana yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Mahu tidak mahu, kita terpaksa mencari jalan, cara-cara untuk memperbaiki keadaan ini.

Saya setuju dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa perubahan dalam bidang latihan dan pendidikan perundangan sangat diperlukan kerana ia merupakan perkara utama supaya kesedaran mengenai keadilan dilaksanakan oleh semua pihak dalam sistem perundangan dan kehakiman.

Tetapi kami berpendapat setakat mengadakan perubahan dalam bidang latihan dan perundangan walaupun wajar, tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah. Saya mencadangkan supaya suatu kajian semula yang menyeluruh diadakan ke atas sistem kehakiman dan

perundangan di negara ini untuk mengenalpastikan segala kelemahan, kemudian kelemahan-kelemahan ini dihapuskan sama sekali. Ini bukan peluang untuk mewujudkan ketidakadilan. Sebaliknya kita haruslah sentiasa berhati-hati agar tidak akan timbulnya ketidakadilan. Tidak ada tikus membaiki labu. Sebenarnya, hal kajian semula, hal siasatan menyeluruh telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan juga Yang Berhormat dari Jelutong. Tetapi malangnya, ia merupakan air di daun keladi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1970-an, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merupakan salah satu hero untuk memperjuangkan kebebasan akhbar. Yang Berhormat dari Parit Sulong pun ada, dia tahu, kerana semasa itu dia jadi Pemberita. Pada 20hb Mac tahun ini, suara Yang Amat Berhormat mengenai isu kebebasan akhbar ini berkumandang semula seperti dua dekad yang lepas. Saya berasa amat gembira. Kami sentiasa menegaskan bahawa kebebasan akhbar adalah salah satu prinsip dan amalan negara. Lebih-lebih lagi ketika kita berusaha mencapai taraf dunia di semua bidang. Dengan kebebasan ini, kami menekankan perasaan tanggungjawab terutamanya dalam masyarakat majmuk ini, dengan izin, 'a sense of proportion, a sense of responsibility, going with the freedom of the press'.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menerangkan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya kutip banyak juga:

"11th January - Assembly of the Cofederation of Asean Journalist in Kuala Lumpur: That in affirming the freedom of the press, journalist must not loose their sense of proportion, and pursuit of freedom must go hand in hand with the quest for justice. The press had to fight against irrational exercise of power".

Penggunaan kuasa yang tidak rasional, tidak keakulan. 'By journalisme we do not mean meared the gathering and dissemination of information. A media must include healthy debate on issue of public concern, becoming the vehicle for the contest of the ideas, and cultivating good taste.'

Kami setuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat bahawa akhbar mestilah memperjuangkan menentang penggunaan kuasa yang tidak rasional atau haruslah membangkitkan perdebatan isu-isu yang berkepentingan awam. Kami berharap Yang Amat Berhormat boleh menganalisis isi kandungan semua akhbar semua bahasa di negara ini sama ada mereka dapat mempraktikkan skop dan etik yang disarankan oleh beliau.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cadangan Yang Berhormat dari Kepong supaya pihak kerajaan menganalisis isi kandungan semua akhbar dalam semua bahasa. Adakah ini termasuk akhbar dari pihak DAP, iaitu 'Roket' dan juga akhbar dari pihak PAS, iaitu 'Harakah'? Apabila dikaji, memang diberi kebebasan. Tetapi adakah mereka melakukan kebebasan dengan kebertanggungjawaban, a sense of accountability dan rasa tanggungjawab kepada negara? Saya bertanya ini oleh kerana setengah orang mentafsir kebebasan itu hanya menurut selera dan cita rasa masing-masing, bukan dilandasi oleh selera dan cita rasa kebangsaan ataupun 'national interest' dengan sempadan-sempadan sensitiviti ataupun sensitiviti kaum, agama, kebudayaan dan juga dengan landasan-landasan public interest dalam hal ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat 'Parit yang Sulong' memang mempunyai pendapat sendiri. Kami menghormati pendapat dia. Saya tekankan tadi kita hendak mengkaji semula untuk semua akhbar. Jadi, itulah yang saya gunakan, semua akhbar. Tak payah dipertikaikan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju cadangan Yang Berhormat dari Kepong supaya menganalisis semua akhbar. Jadi, apakah rasional di sebalik gesaan untuk menganalisa ini? Apakah yang hendak dicari daripada akhbar-akhbar yang ada? Adakah Yang Berhormat mencari sama ada akhbar-akhbar dalam negara ini menerima kebebasan sepenuhnya ataupun kebebasan yang dilandasi oleh kepentingan negara?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kerana kita hendak mencapai satu negara dengan tahap maju di dunia ini, tahap yang terbaik, kualiti pendidikan yang terbaik, yang unggul, yang bertaraf dunia. Semua bertaraf dunia baik. Hasrat ini pun ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kerana itu.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun lagi, hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Sekejap. Saya pun ada tekankan tadi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menganalisis isi kandungan semua akhbar di negara ini sama ada akhbar-akhbar ini dapat mempraktikkan skop dan etik yang disarankan oleh beliau. Kita boleh merujuk kepada ucapan beliau pada 20hb Mac Itu boleh jadi satu rujukan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya baca.

Dr. Tan Seng Giaw:untuk kajian.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Saya hendak bertanya, sebelum Yang Berhormat membuat cadangan, adakah akhbar parti Yang Berhormat serasi dengan skop dan etik yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri? Ini persoalan yang pertama. Yang keduanya, Yang Berhormat mengatakan yang bertaraf dunia itu semuanya bagus. Tetapi apabila kebebasan berakhbar mengikut taraf dunia, taraf dunia yang mana? Dunia yang didominasi oleh Orang Putih, yang cuba mengketengahkan dominan Orang Putih, yang cuba mengketengahkan pemikiran bahawa hanya mereka superior dalam dunia ini. Jadi, kami ataupun Malaysia ini diiktirafkan sebagai tidak mengamalkan prinsip kebebasan berakhbar.

Persoalan ini saya ketengahkan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak mahu Ahli Yang Berhormat dari Kepong terbawa-bawa dengan konsep freedom ataupun fundamental liberties ini mengikut ukuran yang di luar daripada Malaysia. Kita berada dalam negara ini, kita harus mengkaji bumi dan langit negara kita sendiri. Jangan kita terbawa-bawa dengan ukuran-ukuran freedom daripada negara lain. Sedangkan negara lain yang mengatakan kita tidak melaksanakan freedom, juga mengamalkan diskriminasi yang besar.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Beri saya peluang dahulu Yang Berhormat. Saya menegaskan perkara ini oleh kerana negara yang memang kononnya menjadi jaguh demokrasi dalam dunia ini, kami melihat sendiri bagaimana diskriminasinya

terhadap orang Islam. Saya melihat bagaimana seorang tokoh Islam yang buta kononnya bertanggungjawab megebom satu "World Trade Centre" di New York dan tokoh Islam yang buta ini telah pun dipenjarakan atas satu akta yang digunakan sewaktu Civil War, menggunakan circumstantial evidences—adakah ini demokrasi? Adakah negara ini mengamalkan human rights? Saya melihat sendiri bagaimana O.J. Simpson, apabila keputusan mahkamah yang menggunakan juri yang mengatakan beliau tidak bersalah, maka keseluruhan sistem juri itu dipersoalkan oleh seluruh orang yang berwarna putih di Amerika, sedangkan sistem juri itu juga dipilih dan ditentukan oleh kerajaannya. Ukurannya mana yang saudara hendak gunakan? Saya hendak tanya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hanya menggunakan ukuran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Parit Sulong itu merayau ke seluruh dunia sekarang. Itulah masalahnya sekarang.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak merayau, saya tanya dia ethics dan scope suratkhbar DAP adakah sesuai dengan saranan yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya hendak tanya tetapi dia tidak berani jawab, oleh kerana pihak DAP subscribe to the world standard.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, diingatkan jangan buat ucapan. Yang Berhormat boleh soal.

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh soal, tetapi jangan buat rethoric dan ucapan. Kita mesti mematuhi kepada Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa di sesetengah negara, walaupun negaranya maju dari segi material tetapi ada cacat cela. Kita tidak

payah meniru dengan buta-buta, tidak payah—itu saya setuju. Saya ingin sebutkan di sini, saya minta itu sahaja, menurut saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pada hari ini yang saya sebutkan di sini yang tidak menjejaskan masyarakat yang majmuk ini, yang tidak menyinggung perasaan, walaupun Parit Sulong tersinggung sedikit tetapi seluruh masyarakat tidak tersinggung kerana ucapan saya hari ini, saya mintalah dengan skop dan etik yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ucapan saya disiarkan melalui media massa elektronik, media massa cetak, media massa yang berbagai-bagai.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong hendak beri jalan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau hendak minta ucapan Yang Berhormat disiarkan, tidak payah kata subscribe to the scope and ethics, dengan izin, seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tetapi Yang Berhormat dari Kepong tidak jawab soalan saya. Saya hendak tahu sebelum dia minta isi kandungan seluruh suratkhbar dianalisis, saya hendak tahu pada pandangan dia, apakah analisis beliau mengenai akhbar DAP—ROKET. Adakah itu subscribe to the standard ethics of Malaysia journalism? Saya hendak tanya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bagi pendapat saya memanglah cocok dengan skop dan etik yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tetapi kita boleh melantik pakar-pakar yang bebas sebagai satu jawatankuasa untuk menyiasat, untuk mengkaji semua akhbar di negara ini. Itu pun tidak boleh—ini demokratik. Saya beri dia peluang untuk meluahkan perasaannya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: DAP ini semua hendak badan bebas untuk menyiasat. Sekarang ini kita gunakan kita punyai moral and value judgement. Cuba saudara menggunakan moral and value judgement dalam DAP untuk menganalisis isi kandungan surat khbar DAP. Tidak payah guna Jawatankuasa Bebas, hendak buat apa? Saya tahu bahawa proses ini adalah proses demokrasi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Sulong ini sepatutnya jadi Yang Berhormat parit yang bongsu sekarang. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyebutkan saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kita boleh baca serta telitikan, gunakan itu sebagai rujukan untuk mengkaji semula. Itu pun tidak boleh. Dia membuat ketetapan seperti dia itu Tuan Yang di-Pertua—itu tidak boleh, ini tidak boleh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Kepong itu tidak betul.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Satunya, saya bukan Yang Berhormat parit yang sulong, kawasan saya Parit Sulong. Keduanya, saya tidak menentang cadangan Yang Berhormat yang memanjangkan suara gesaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, cuma saya hendak minta penjelasan daripada orang yang bertanggungjawab sebagai pemimpin nombor 3 dalam DAP. Saya hendak tanya sama ada suratkhbar dia itu pada pandangan saudara subscribe kepada scope and ethics yang di harapkan oleh pemimpin tertinggi kita. Itu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah menjawab, tetapi apa lagi yang hendak saya cakapkan? Saya kata itu memang cocok dengan etik

dan skop yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri—itu pun tidak cukup?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) Yang Berhormat Kepong, saya hendak beri nasihat sedikit. Yang Berhormat diingatkan bahawa masa yang diperuntukkan bagi perbahasan dasar ini hanya terhad kepada sehari sahaja. Kalau hendak jawab, jawablah. Kalau tidak Yang Berhormat beralih kepada butiran yang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sangat menghargai nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya hendak menekankan sejak pilihan raya pada 25hb April, tahun lepas, kekangan-kekangan ke atas akhbar tempatan telah bertambah. Walaupun parit yang sulong tidak setuju, tetapi itulah hakikatnya. Selain daripada keutamaan yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, diikuti dengan menteri-menteri lain, terutamanya isu-isu yang hangat adalah sangat kurang disiarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tertarik kepada apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Universiti Oxford—baik. Saya setuju dia pergi ke Oxford untuk membawa bendera Malaysia ke Universiti Oxford iaitu satu-satunya universiti yang terunggul di United Kingdom dan dia kata—ini betul juga, bukan semua tidak betul. Kita bukan membidas semua, ada yang betul dan ada yang tidak betul. Kerana kita bukan insan yang kamil. (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Insan kulit.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan Barat kini sedang berusaha menghakiskan kedudukan agama Islam sebagaimana mereka berjaya menjatuhkan komunisme—ini memang ada betulnya, tetapi

seterusnya dia kata “jika ada keprihatinan ditunjukkan oleh Barat terhadap Islam, khususnya media massa, ia sebenarnya tidak ikhlas dan bersifat akademik”. Dan saya boleh sebutkan di sini juga mengenai isu-isu yang hangat, isu-isu yang berkepentingan awam, berita-berita dan kegiatan pembangkang tidak diberi keprihatinan oleh Barisan Nasional, oleh kerajaan. Saya boleh gunakan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Apa salahnya kalau saranan saya dimuatkan dalam media massa, di TV dan di semua akhbar. Apakah salahnya?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saranan tidak berasas.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang tidak berasas itu Yan. Cik Yan ataupun Mek Yan. (*Ketawa*)

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, minta Ahli Yang Berhormat dari Kepong tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia merasa tersinggung.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, bila dia panggil mek, saya bukan wanita. Nanti bahaya dia ini! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) Yang Berhormat bangun di atas Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, tarik balik 'kemaluan.' (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa perkataan itu tak kena Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong diingatkan, jangan mempersendakan nama seseorang Ahli yang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan!

Dr. Tan Seng Giaw: Kerana dia kata ucapan saya tidak bernas. Jadi, apa boleh buat?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam prinsip dan amalan negara, Pembangkang menganalisiskan dasar dan langkah kerajaan, mengetengahkan kelemahan-kelemahan atau kesilapan-kesilapan serta mengemukakan alternatif-alternatif. Kita memang mengemukakan alternatif, ini berteraskan kepada kebebasan akhbar, kebebasan media massa, kupasan dan pendapat pembangkang kurang disiarkan dalam media massa. Pemberita-pemberita memang mereka adil, mereka ada membuat liputan mengenai pihak pembangkang tetapi malangnya kerana kekangan-kekangan yang diwujudkan oleh pihak kerajaan, akhbar dan media massa tidak dapat menyiarkan ucapan, saranan, kegiatan pembangkang yang menimbulkan masalah.

Ahli Yang Berhormat yang sulong, memang kita mesti adil bila kita menafsirkan apabila ucapan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dimuatkan dalam Internet, pihak kerajaan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan kata, itu tak boleh, ini tak boleh, ini menghasutkan orang Malaysia dan sebagainya, walhal tidak! Cuma pendapat yang berlainan. Pendapat yang berlainan, tidak semestinya hasutan. Kita hendaklah membeza-bezakan.

Oleh itu, kami mengesyorkan supaya suatu kajian semula diadakan ke atas kebebasan akhbar, media massa, peranan pemberita-pemberita dan seterusnya perubahan yang positif perlu diwujudkan

secocok dengan hasrat kita untuk mencapai tahap dunia, bukan kita meniru dengan buta-tuli apa yang berlaku di negara-negara maju, kita buat standard sendiri, etik sendiri, tafsiran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membangkitkan beberapa perkara yang pokok termasuk keazaman kita untuk mencapai status negara maju tanpa gejala-gejala negatif, itu baik. Usaha untuk memusnah politik wang tak berjaya lagi dan mewujudkan kualiti pendidikan bertaraf dunia. Kita bersetuju hendak memusnahkan politik wang, semua rakyat mesti bekerjasama untuk menghapuskan politik wang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 18hb Mac, 1996 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan kerajaan akan mengambil tindakan terhadap kampung-kampung haram yang telah diwujudkan oleh pendatang asing tanpa izin. Tindakan-tindakan telah pun diperlihatkan di beberapa tempat, sesetengah Ahli Yang Berhormat pun pernah menyentuh masalah ini terutamanya Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat. Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa masalah ini menjadi besar kerana pihak-pihak berkuasa berkenaan tidak mengambil tindakan. Masing-masing berpendapat ini bukan tanggungjawab mereka, kampung-kampung haram seumpama ini tumbuh di banyak tempat. Sejak lebih satu dekad yang lalu, pendatang haram telah mendarat di Malaysia, masalah ini menjadi rumit kerana pelbagai faktor termasuk perubahan sosio-ekonomi, penyelewengan segelintir orang dan ketiadaan dasar yang menyeluruh yang dapat mengatasi masalah.

Sekarang angka rasmi ialah terdapat kira-kira satu juta pendatang asing di negara ini, satu anggarannya ialah lebih dua juta orang. Mereka datang dari negara-negara seperti Indonesia, Filipina,

Bangladesh, Thailand dan Myanmar untuk mendapat kerja di Malaysia kerana perubahan sosio-ekonomi, rakyat Malaysia tidak berminat dalam sesetengah jenis kerja.

Tuan Yang di-Pertua, maka timbullah pelbagai masalah sosial dan ekonomi, kampung-kampung haram, eksploitasi orang Malaysia ke atas pendatang, penyakit-penyakit berjangkit, peniaga-peniaga haram dan lain-lain. Implikasi dan consequencynya adalah amat serius.

Tuan Yang di-Pertua, sejak lebih satu dekad ini, saya dan termasuk banyak Ahli-ahli Yang Berhormat ada menghadapi masalah ini. Pengalaman negara-negara semacam United Kingdom, Jerman dan Perancis boleh menjadi iktibar kepada kita. Banyak pendatang asing membanjiri negara-negara tersebut pada tahun-tahun 50-an, 60-an dan 70-an.

Adalah tidak kurang petualang-petualang di negara-negara ini yang menanggung di air keruh di Eropah, ada segelintir orang jahat juga di Eropah yang membawa pendatang asing masuk ke negara masing-masing, memang ada! Permasalahannya sedang dirasai oleh negara-negara tersebut. Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah termasuk menangkap pendatang, mengadakan kem-kem tahanan dan menghantar mereka balik ke negara-negara asal.

Kami berharap kerajaan berhati-hati dengan imejnya di kem-kem tersebut. Jangan kita dituduh menggunakan kekerasan, ketiadaan peri-kemanusiaan ke atas pendatang-pendatang asing ini, mereka manusia juga. Bila kita ada pekerja-pekerja asing di negara ini, kita mesti mengadakan pekerja-pekerja yang sah, yang mempunyai permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Kita mesti melayan pekerja-pekerja asing ini dengan baik, bukan kita

mengeksploitasikan. Setakat ini, langkah-langkah tersebut tidak cukup untuk mengatasi permasalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu saya mencadangkan supaya kerajaan menggubalkan dasar yang lebih menyeluruh untuk menangani permasalahan ini termasuk usaha untuk mengetahui bilangan pendatang yang sebenar, cara-cara yang berkesan untuk membendung kemasukan mereka, kerjasama dengan negara-negara yang berkenaan dan langkah-langkah untuk mengatasi implikasi dan consequency sama ada untuk jangka pendek ataupun untuk jangka panjang.

Saya percaya, kami akan terus membangkitkan masalah implikasi dan consequency pendatang asing tanpa izin ini pada beberapa tahun yang akan datang, mungkin lima tahun, sepuluh tahun, dua puluh tahun yang akan datang, masalah ini boleh menjadi sangat serius.

Tuan Yang di-Pertua, pada tempoh hari musim hujan menyebabkan banjir kilat di banyak tempat, termasuk di tempat pada tradisinya tidak ada banjir, yang paling dahsyatnya ialah di tempat-tempat seperti di Taman Sri Muda, Shah Alam ibu kota negeri Selangor Darul Ehsan.

Tuan Yang di-Pertua, taman ini diluluskan oleh Majlis Perbandaran Kelang pada tahun 1981. Para penduduk mula menduduki taman itu pada tahun 1985. Kawasan Shah Alam diambil alih oleh Majlis Perbandaran Shah Alam. Pada tahun 1988 bermulalah banjir kilat yang kian menjadi teruk sehingga bah besar berlaku pada 22hb hingga 27hb Disember 1995. Selepas itu banjir terus berlaku dari semasa ke semasa. Entahlah sampai bila!

Sejak tahun 1988, Persatuan Penduduk-penduduk Taman Sri Muda telah mengemukakan beberapa cadangan kepada Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA) misalnya perlantikan juru

perunding untuk mengkaji masalah banjir di taman itu, pembinaan 'tidal gate' (gate-gate ombak) di Sungai Kelang dan parit-parit monson. Cadangan-cadangan ini telah diketepikan seperti air di daun keladi. Pada mulanya, Tuan Yang di-Pertua, paras tanah di taman itu adalah lebih tinggi daripada kawasan-kawasan sekitarnya tetapi dengan projek demi projek semacam Shah Alam Express Way, Kajima Industrial Park, State Secretariat Selangor Housing yang kebanyakannya ada kait-mengait dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Shah Alam Express Way dan State Secretariat Selangor Housing ada kena-mengena dengan Kerajaan Negeri. Dengan projek-projek ini taman itu sudah menjadi satu lembah. Tujuh kaki di bawah paras kawasan-kawasan sekitar. Mengapa MPSA dan Kerajaan Negeri meluluskan projek-projek tersebut yang menjejaskan taman itu? Perintah pembangunan dan peraturan-peraturan telah ditetapkan dalam semua projek. Mengapa ini tidak dipatuhi?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan bahawa pemaju-pemaju wajib menyiapkan kolam-kolam dan kemudahan yang sesuai untuk menampung air hujan, lumpur dan pasir. Entahlah, berapa kali saya bangkitkan masalah ini termasuk pada dua tiga tahun yang lepas, satu usul dibawa oleh saya dalam Dewan yang mulia ini tetapi masalah berulang.

Tuan Yang di-Pertua, besar kemungkinan bahawa sebelum kelulusan, seseorang pemaju sudah bermula kerjanya ke atas projek tanpa mengambil langkah-langkah untuk menjaga alam sekitar. Pemaju ini sanggup mengatasi segala halangan dengan cara-cara yang berkesan. Setengah-setengah pegawai pun mengambil kesempatan sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Bila projek tersebut disiapkan kelak, Sijil Layak Duduk dikeluarkan walaupun sesetengah

syarat tidak dipatuhi. Mengapa hal sedemikian terus berlaku? Tahun demi tahun.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha hendaklah diadakan untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan tersebut dan seterusnya mempertingkatkan keberkesanan, kelulusan dan pengawalseliaan semua projek di semua peringkat, sama ada peringkat Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Tempatan. Memang kita mesti buat.

Tuan Yang di-Pertua sendiri pun tahu, kalau semua peraturan, semua kaedah ini disempurnakan, tidak berlakunya skandal dan tragedi seperti Highland Tower di kawasan Yang Berhormat. Ini berlaku 20 tahun yang lepas kerana peraturan yang tetap, yang ketat kerana langkah-langkah yang betul tidak diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi! Cuma...

Seorang Ahli: Bagi chance!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nampak ada ramai lagi yang hendak berucap ya.

Seorang Ahli: Tak penatkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Ramai, ramai ya? Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada dua perkara lagi, beri saya lima minit atau lebih?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Orang lain pun wakil rakyat juga!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu, tetapi Cik Yan ini dia apabila membenteng usul lebih dua jam!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini pun dah ambil dua minit.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan pihak kerajaan mengadakan satu siasatan menyeluruh terhadap sistem kesihatan di Malaysia sambil membasmikan semua kelemahan termasuk segala bentuk diskriminasi dan halangan-halangan seperti nepodisme, pilih kasih dan jalan belakang. Memang, Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati pihak Kementerian Kesihatan ada buat perkara yang betul juga termasuk rancangan untuk Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Prima (Primary Health Care Service), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Ada beberapa unsur dan aspek yang baik, bukan tidak baik semua. Walau bagaimanapun yang dilaksanakan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Prima ini tidak mencukupi. Kita boleh lihat banyak klinik di desa dan di bandar dan sebagainya. Ini ada kemajuan. Memang ada, tetapi tidak sempurna lagi.

Walaupun bagaimanapun, sekarang orang-orang Malaysia hidup dengan lebih lama. Pukul rata wanita dan lelaki hidup 73 tahun dan 70 tahun. Kerana orang-orang hidup lebih lama mereka mengidap lebih banyak penyakit. Hospital-hospital dan klinik-klinik merawat lebih ramai pesakit, maka...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yan, bangun.

Dr. Tan Seng Giaw:kekurangan, saya hendak pendekkan ucapan, ada dua perkara sahaja, lagi beberapa minit hendak habis.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak beri cadangan baik kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat setuju ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Cepat sedikit! (*Ketawa*)

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat juga ingin mencadangkan supaya klinik-klinik swasta (private clinics) macam klinik Yang Berhormat sendiri, memberi harga yang murah kepada masyarakat supaya mereka dapat juga menggunakan perkhidmatan klinik-klinik ini. Terima kasih. Membantu kerajaan daripada klinik-klinik biasa ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat dari Yan ini boleh kita terima. Cadangannya itu baik juga. Kita mesti prihatin kepada penderitaan rakyat. Itu baik juga. Kita menyeru semua klinik...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Bolehkah klinik Yang Berhormat mula dahulu? Klinik Yang Berhormat boleh mula dahulu tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sentiasa mula lebih 20 tahun. Lebih 20 tahun dahulu itu tidak tahulah Yang Berhormat dari Yan entah ke mana! Tetapi kita bermula dah, tidak payahlah saranan lebih 20 dekad kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, kerana orang-orang hidup lebih lama, mereka mengidap lebih banyak penyakit. Hospital-hospital dan klinik-klinik merawat lebih ramai pesakit, maka kekurangan hospital, klinik, doktor, dan jururawat bertambah buruk. Dalam dua tahun kebelakangan ini kami telah mengesyorkan satu penyiasatan menyeluruh diadakan ke atas sistem kesihatan termasuk Suruhanjaya Diraja tetapi Kementerian Kesihatan buat acuh tidak acuh sahaja.

Sekarang terdapat 9,608 doktor di kalangan 20 juta orang di Malaysia. Nisbah doktor dan penduduk ialah 1:2,000. Negara

mempunyai 2,173 doktor pakar, hospital-hospital kerajaan memerlukan sekurang-kurangnya 680 doktor pakar hanya 400 jawatan diisikan. Pada tahun 2,000 kita memerlukan sekurang-kurangnya 15,000 doktor, kita mestilah mendapat lebih ramai doktor tanpa menjejaskan standard perubatan. Kita mesti sentiasa memastikan standard perubatan tidak turun. Kita memerlukan para doktor yang lebih berkualiti. Hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan berkehendakkan 15,299 jururawat tetapi yang diperolehi hanya 13,816 orang. Sambil berusaha memperolehi lebih ramai jururawat kualitinya mestilah sentiasa dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan pendekkanlah.

Kami mengesyorkan langkah-langkah yang berkesan diambil termasuk siasatan menyeluruh untuk mengetahui kelemahan-kelemahan termasuk pelbagai bentuk diskriminasi, depatisme, pilih kasih, jalan belakang, birokrasi dan sistem kenaikan pangkat yang kurang adil.

Bukan sahaja tawaran dan gaji tidak begitu lumayan berbanding dengan pihak swasta ataupun berbanding dengan setengah-setengah negara yang lain, tetapi ada faktor-faktor yang lain yang menyebabkan kekurangan sentiasa berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengulangi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong kerana jawapan-jawapan daripada pihak kerajaan tiap-tiap kali mengenai Internet tidak begitu memuaskan dan ada usaha oleh Yang Berhormat dari "Parit yang sulong" pun hendak memperbaiki keadaan information technology di negara ini. Kita memang memberi kerjasama kerana memperbaiki keadaan information technology.

Kami menggalakkan lebih ramai orang Malaysia melanggan kepada Penganjur Internet (Internet Provider), kadar bayaran telefon Internet patutlah ditetapkan pada tahap yang rendah untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelanggan Internet adalah lebih 15,000 orang sekarang di bawah Jaring yang merupakan satu-satunya penganjur Internet di negara ini. Jaring sedang berusaha dan mereka memang sedang berikhtiar untuk mengadakan lebih banyak talian bagi para pelanggan yang kian bertambah dengan pesat tetapi perkhidmatannya tidak begitu berkesan.

Internet merupakan rangkaian komputer yang terbesar sekali di dunia. Berbagai jenis pengetahuan boleh didapati melalui Internet. Ini saya hendak menekankan kepada Yang Berhormat Parit yang Sulong. Kalau kita tidak mengkaji semula kebebasan akhbar, ramai orang boleh menggunakan Internet untuk pelbagai maklumat. Memang boleh kalau itu dibuat. Mahu tidak mahu, lama kelamaan kita mesti mengkaji peranan dan kebebasan akhbar di negara ini kerana lebih ramai orang. Pada dua atau tiga tahun hadapan, mungkin 1 juta orang Malaysia yang boleh menggunakan Internet.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyahut abad yang ke-21, orang-orang Malaysia mestilah melanggan Internet. Gejala-gejala yang tidak baik seperti unsur-unsur lucah, ajaran sesat dan pelampau boleh didapati melalui Internet. Kita mesti sentiasa berwaspada. Kita haruslah mendidik rakyat Malaysia bermula daripada bangku sekolah lagi supaya menggunakan Internet dengan cara yang baik.

Kita susah hendak mengadakan undang-undang untuk mengawal Internet. Ada negara-negara seperti Singapura, Jerman, China, Amerika Syarikat dan

Malaysia yang hendak mengawal isi kandungan Internet. Kawalan yang berkesan susah hendak diadakan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengesyorkan supaya mengadakan satu pakatan antarabangsa untuk mengawal Internet. Mungkin ini satu jalan untuk mendapat kawalseliaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Jaringan tidak dapat memberi perkhidmatan dengan begitu baik walaupun berikhtiar, kami mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan cadangan mewujudkan lebih banyak penganjur dan lebih banyak provider Internet untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggannya.

Akhirnya saya berharap, walaupun saya ada banyak lagi hendak berucap, tetapi saya akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Cuma saya menekankan bahawa hujah-hujah dan cadangan-cadangan yang bernas dan membina ini patutlah dipertimbangkan oleh pihak kerajaan dan patutlah dengan bantuan dan pertolongan para pemberita disiarkan di dalam semua media massa di negara ini, terutamanya akhbar.

Kita mesti mengusahakan di semua peringkat, dari segi kehakiman, dari segi perundangan, dari segi pendidikan, dari segi kesihatan dan sebagainya untuk mempertingkatkan tahap perkhidmatan, untuk mempertingkatkan mutu dan kaliber. Itulah yang terpaksa dibuat, termasuk kebebasan akhbar.

Alang-alang berminyak biar licin; alang-alang mandi biar basah; alang-alang berdakwat biar hitam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong.

5.06 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Yang

di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong usul mengenai perbelanjaan tambahan ini.

Dalam perbelanjaan ini, saya dapati terdapat RM1,125,400.00 yang telah pun diperuntukkan kepada Jabatan Peguam Negara. Dalam konteks Peguam Negara ini, biar dengan jelas dan nyata saya katakan bahawa saya tidak mahu berkonfrantasi dengan Peguam Negara. Saya juga tidak memilih untuk memulakan perang dingin dengan Peguam Negara.

Dengan itu, saya harap pihak Peguam Negara akan menerima teguran-teguran kami di sini dan jangan diibaratkan sebagai kata-kata yang cetek, kata-kata cemuhan atau pun menghina Jabatan Peguam Negara.

Peruntukan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Fasal 36(9) mengatakan bahawa:

“Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa ahli-ahli Parlimen atau sifat-sifat pegawai kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai ahli Parlimen atau pegawai kerajaan.”

Dalam konteks ini, saya amat kesal apabila Ahli Parlimen dari Hulu Langat membuat beberapa teguran terhadap istilah-istilah yang terangkum di dalam satu Rang Undang-undang yang baru, maka pihak Peguam Negara menulis surat kepada beliau. Salinannya dipanjangkan oleh Ahli Hulu Langat kepada saya sebagai Pengerusi Backbenchers. Sembilan muka surat. *(sambil menunjukkan surat di tangan)*

Dituduh bahawa Ahli dari Hulu Langat mencemuh:

“Saya ingin menegaskan bahawa kata-kata cemuhan yang dilemparkan terhadap saya kebelakangan ini amat dikesali.”

Adakah teguran Ahli-ahli Parlimen terhadap seseorang pegawai kerajaan dalam menjalankan tugas boleh diibaratkan sebagai cemuhan? Perkara ini harus kita lihat dengan rasional. Saya katakan tadi, kita tidak mahu berkonfrantasi. Peguam Negara orang yang besar, saya orang daripada kampung. Peguam Negara berpendidikan tinggi, saya orang sekolah atap. Tetapi apabila kami berdiri di sini sebagai Ahli Parlimen, kami menyuarakan detik jantung, rasa hati rakyat. (*Tepuk*) Inilah yang disampaikan kepada rakyat supaya dibawa ke Dewan Rakyat, supaya mana-mana pihak yang terbabit mengkaji sekiranya betul teguran kami, buatlah perubahan; sekiranya tidak, janganlah diibaratkan sebagai cemuhan.

Pada hari Jumaat yang lalu, waktu itu saya berada di Kota Kinabalu, saya menerima beberapa panggilan telefon dari wartawan Semenanjung dan bertanya "Apa komen Y.B. apabila Peguam Negara diminta komen mengenai suatu masalah, 'Tanya Tuan Ruhanie—dia patut lebih tahu apa saya cakap'?"

Satu ketika, saya rasa saya bangga oleh kerana beliau recognise saya. Tetapi apabila saya membuat teguran, teguran saya ikhlas. Saya kata, kita bukan hendak menyekat Peguam Negara dari membuat apa-apa kenyataan.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun ya. Hendak beri jalan?

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Parit Sulong sama ada kebiasaan seseorang pegawai kerajaan menulis terus kepada Ahli-ahli Parlimen untuk menjawab kritikan-kritikan yang dibuat dalam

Parlimen itu ethical atau pun sesuai dengan peraturan ataupun pegawai-pegawai berkenaan boleh menjawab melalui Menteri yang terbabit? Itu penjelasan yang saya minta.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bekerja dengan pihak kerajaan hanya selama 4 tahun dan saya waktu kerja pun sebagai kakitangan Menteri. Jadi saya tidak arif sangat dengan General Order. Tetapi, Ada sahabat saya kakitangan kerajaan mengatakan, ada satu peruntukan General Order yang mengatakan pegawai kerajaan tidak boleh berbuat demikian, saya tidak tahu. Kalau saya betul, mungkin betul. Kalau saya salah, minta maaf. Jadi, itulah kedudukan.

Pada hari Jumaat lalu, apabila Utusan Malaysia - headline—"Peguam Negara—Tanya Tuan Ruhanie," saya tahu apa yang dimaksudkan olehnya. Terlalu sangat hendak menyindir. I am not offended tetapi mengapakah beliau bersikap cynical terhadap teguran? Kita di sini untuk mencari kebaikan. Sama-sama mendokong wawasan kerajaan. Apa gunanya kalau kita tidak boleh ditegur? Adakah kita harus menyimpan dendam kalau kita ditegur jika teguran itu adalah untuk kebaikan? Saya rasa pada hari Jumaat yang lalu ataupun waktu soalan itu dikeluarkan pada hari Khamis, sekiranya Yang Arif Peguam Negara ditanya dengan soalan itu, kalau dia tidak terbayang rasa dendam terhadap saya, mungkin telah terlepas satu lagi kenyataan yang boleh mencetuskan kontroversi di dalam negara kita.

Jadi, saya harap, Tuan Yang di-Pertua, kita harus establish the ground di sini. Satu, latar persefahaman, a ground of understanding di sini. Apabila Ahli Parlimen bercakap, kita menyuarakan suara rakyat. Saya bercakap baru-baru ini bukan berasaskan kepada surat layang sahaja. Saya cuba mengimbau kembali ingatan kepada setahun dua yang lalu,

bagaimanakah banyak kenyataan kontroversi yang mencetuskan pertikaman lidah di dalam Dewan Rakyat berpunca daripada Pejabat Peguam Negara. Kami ingat, kami terpaksa beberapa kali bangun menggunakan Peraturan Mesyuarat 36(9), apabila Peguam Negara cuba dipersendakan, pihak kami yang bangun mempertahankan Peguam Negara. (*Tepuk*) Tidak ada satu cebis perkataan terima kasih.

Apabila pihak pembangkang mengheret kontroversi di luar, cuba mempersendakan Pejabat Peguam Negara, kami yang bangun mempertahankan, menggunakan Peraturan Mesyuarat 36(9). Tidak ada secebis perkataan 'terima kasih.' Kami tidak mengharap oleh kerana itulah tugas collective responsibility. Tetapi apabila kami menegur sedikit, maka dituduhlah dengan perkataan "cetek, menghina dan mencemuh." Sekali lagi saya berharap seluruh cabang kerajaan dan seluruh cabang pentadbiran menerima hakikat collective responsibility dan sifat tolong menolong, compliment each other. Saya harap ini dipersetujui oleh semua.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Hulu Langat bangun.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya cuma hendak minta pandangan. Saya ini orang baru. Dalam surat itu, Peguam Negara ada mengatakan bahawa saya telah menggunakan keistimewaan Parlimen, telah berlindung dengan keistimewaan Parlimen untuk mencaci-cerca dia. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat, adakah betul saya bercakap sesuatu menggunakan saluran Dewan ataupun menggunakan media

sepertimana Peguam Negara menangani isu surat layang? Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan, saya tidak mahu berdiri dengan tafsiran tetapi saya katakan Peguam Negara is a very learned man, orang yang amat arif dan selalunya keputusan (judgement) dibuat setelah kita kaji selidik dengan evidences. Adakah Yang Berhormat dari Hulu Langat membuat kata cerca oleh kerana semata-mata dilindungi oleh Parlimen ataupun niatnya adalah ikhlas dan jujur untuk sama-sama membina negara ini?

Saya tidak mempunyai kelulusan undang-undang, Tuan Yang di-Pertua, tetapi jangan cuba mengatakan kita tidak mempelajari undang-undang. Di dalam kursus yang saya lalui, kita tahu apa itu Undang-undang Perlembagaan, saya study basic principles of English Law, saya tahu apa ertinya defamation, saya tahu apa ertinya insinuation, innuendo, saya tahu apa itu Administrative Law. Kami tidak cuba mahu mengheret perkara ini dan mahu mencari pertempuran dan perang dingin. Tetapi, jangan terlalu mudah mengambil conclusion bahawa Ahli-ahli Parlimen yang dilantik oleh rakyat datang ke sini dengan fikiran yang cetek. Saya harap pihak Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri cuba mengambil perkara ini dengan sensitif. Kalau boleh kita tegur, kita tegurlah dan kalau boleh menggunakan departmental letters, kenyataan-kenyataan seperti "Tanya Tuan Ruhanie itu" bolehlah minta diberhentikan. Peguam Negara bebas membuat kenyataan apa sahaja. Yang kami harap buatlah kenyataan yang tidak menimbulkan kontroversi.

Saya ulangi, kita tidak mahu kenyataan oleh pihak mana pun dalam kerajaan yang boleh menimbulkan kontroversi sehingga kami sendiri di dalam Dewan yang mulia

ini terpaksa bertegang urat untuk mempertahankan kontroversi yang dicetuskan oleh pihak-pihak yang di luar. Itu harapan kami. Kami berdiri atas pendirian kami. Saya berdiri atas kenyataan saya. Apabila saya menegur, saya bertanggungjawab dengan teguran. Saya tidak bertanggungjawab dengan manipulation oleh pihak pembangkang apabila mengatakan kononnya Ahli Parlimen Parit Sulong mengatakan Peguam Negara adalah unsound person. Itu bukan pendirian saya. Saya mengatakan "selalunya kelihatan ataupun kadang-kadang kelihatan Peguam Negara membuat kenyataan yang boleh menimbulkan kontroversi." Itu perkataan saya. Kita tidak menyekat Peguam Negara untuk bersuara tetapi kita harap kurangkan, atau berhentikanlah kenyataan-kenyataan yang boleh menimbulkan kontroversi yang boleh mengheret kerajaan dalam kancah kontroversi.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Saya hendak minta penjelasan sedikit. Seingat saya memang kedua-dua Ahli Yang Berhormat tidak condemn Peguam Negara. Apa yang disuarakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat ialah menegur sedikit sebanyak Pejabat Peguam Negara, tidak secara terus kepada Peguam Negara. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat, adakah kakitangan kerajaan ini apabila seseorang ahli politik menegur tata kerja mereka, tidak boleh? Apakah mereka sedar bahawa golongan politik adalah merupakan pemerintah? Pentadbir ini kakitangan kerajaan. Sepatutnya mereka melakukan kerja-kerja yang diperintahkan oleh kerajaan seperti dasar-dasar yang diputuskan oleh kerajaan. Jadi, kalau orang politik tidak boleh menegur kakitangan kerajaan ini, siapa yang

sepatutnya menegur? Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebenarnya ahli politik dan kakitangan kerajaan termasuk dalam satu team yang sama, iaitu team yang mendukung dan melaksanakan cita-cita menjayakan bangsa, negara Malaysia. Dalam konteks ini, memang tidak semua kakitangan kerajaan, malah mungkin segolongan kecil sahaja yang bertindak tidak mahu menerima teguran. Yang lain-lain - mereka terbuka, mereka boleh menegur kita dan kita boleh menegur mereka. Interaksi di antara ahli politik dan kakitangan kerajaan bukan sahaja di peringkat Parlimen, di peringkat daerah sekalipun, dalam Majlis Tindakan Pembangunan Daerah, kita amat demokratik. Kita boleh menegur Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Daerah dan Pegawai Daerah boleh menegur wakil rakyat apabila mungkin kita mencadangkan sesuatu projek yang mungkin kurang sesuai dengan keserasian rakyat. Ini prinsip tegur-menegur. Prinsip kerjasama, mendokong satu wawasan, mendokong satu cita-cita yang sama, oleh kerana inilah yang dikehendaki oleh seluruh pihak.

Saya kurang mahir dan kurang arif sekiranya soalan daripada sahabat saya yang telah lama berkhidmat dalam kerajaan yang sekurang-kurang 12 atau 15 tahun lamanya. Tetapi sefaham saya, setiap teguran yang kami bawa di sini adalah teguran yang berasas, setiap teguran yang kami bawa ke sini adalah teguran yang melantunkan suara keluhan rakyat ataupun teguran daripada pihak rakyat—itu yang kami bawa. Bukan kami datang hendak bermain politik dengan siapa-siapa.

Secara peribadi saya tidak mengenal Peguam Negara, saya hanya mengenali jawatannya sahaja. Saya tidak pernah berintraksi dengan beliau, tetapi mengapa saya harus terdorong daripada

tanggungjawab untuk menegur beliau, oleh kerana demi kebaikan bangsa, agama dan tanah air. Saya tahu Peguam Negara juga adalah sebahagian dari pasukan yang mendukung cita-cita dan wawasan negara, tetapi antara kita harus sentiasa sudi dan sedia tegur-menegur dan ditegur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Marang.

5.23 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Beberapa Ahli: Waalaikumussalam.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dalam menyertai perbincangan peruntukan ini bagi membincangkan Perbekalan Tambahan memang sudah menjadi perkara biasa terlalu mudah untuk diluluskan, berapa sahaja yang dikehendaki. Tetapi mestilah juga diambil kira pelaksanaannya secara mengendalik dengan betul dan berjaya kerana di sana terdapat perkara-perkara yang meragukan dan membimbangkan.

Kita hanya meluluskan peruntukan tambahan, tetapi pelaksanaannya tidak seberapa dan kejayaannya tidak memuaskan. Di antara contohnya ialah apa yang ditimbulkan tadi Jabatan Peguam Negara, yang terdapat juga peruntukan yang disediakan. Di sana terdapat perkara-perkara yang melibatkan bidang kehakiman, wujudnya ciri keraguan terhadap institusi kehakiman dan kewibawaannya. Kita bimbang apabila perkara ini berlaku dan dibiarkan, maka undang-undang di rimba, siapa yang kuat, siapa banyak duit, dialah yang dapat

menegakkan keadilan. Kalau perkara ini berlaku menandakan tambahan yang diberi, peruntukan yang diluluskan tidak memberi apa-apa makna.

Kita tidak mahu jawapan itu diberi secara mengeluarkan kenyataan akhbar sahaja, tetapi yang lebih penting ialah tindakan-tindakan yang berkesan bagi mengubah keadaan kepada yang lebih baik, daripada tidak baik kepada baik, daripada baik kepada yang lebih baik.

Di antara contoh kelemahannya juga ialah penangguhan pelaksanaan Undang-undang Keganasan Keluarga Islam, yang telah diluluskan di Dewan ini kerana terdapat perkara-perkara keraguan dan kekeliruan yang membabitkan undang-undang keluarga Islam, kerana undang-undang keluarga Islam selama ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi, adalah elok terus diberi kepada bidang kuasa kerajaan negeri dan diluaskan lagi bidang kuasanya terutamanya yang melibatkan orang-orang Islam. Ianya ditangguhkan kerana berlakunya beberapa perkara, terdapat kekeliruan dan menafsirkan secara undang-undang Barat, kerana undang-undang yang digubal lebih dipengaruhi oleh undang-undang Barat. Di antaranya menyenaraikan perkara-perkara yang boleh menimbulkan keraguan, yang wujud di kalangan orang-orang Barat, yang tidak wujud di dalam masyarakat Islam, seperti kes 'suami merogol isteri', ini berlaku dalam masyarakat Barat, yang aneh berlaku dalam masyarakat kita. Suami tidak boleh menemui isteri, ayah tidak boleh menemui anak di masa siasatan dilakukan, sedangkan pertemuan digalakkan untuk memulihkan kasih sayang di kalangan keluarga.

Dalam menafsirkan keganasan, takut juga termasuk dalam keganasan, bila sudah takut sudah dianggap salah, pada hal di dalam menegur di kalangan keluarga bukan sahaja menegur dengan cara yang halus, tetapi termasuklah menegur dengan

cara yang menakutkan supaya tidak melakukan perkara yang buruk. Kalau ditafsirkan secara sewenang-wenang, maka akan belaku penyalahgunaan undang-undang. Oleh kerana itu, kita merasakan bahawa pihak yang berkenaan, Peguam Negara dan yang terlibat dengan perundangan telah melakukan kecuaiian dalam mengemukakan undang-undang ini. Jadi, kita mengharapkan supaya ianya dikaji dengan cara yang lebih mendalam.

Apa yang aneh pihak Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri ada yang membuat kenyataan yang awal dianya sesuai, dianya sudah boleh dilakukan. Tetapi ada kalangan yang mengatakan ianya perlu ditangguhkan, perlu dikaji dengan cara yang lebih mendalam. Di sana tidak ada penyelarasan di antara satu sama lain.

Yang kedua, saya ingin menarik perhatian kepada satu kenyataan yang menarik yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pendidikan berhubung dengan kuota pelajar-pelajar bumiputera daripada pusat pengajian tinggi swasta hanya 5% sahaja. Satu kenyataan yang menarik di mana dalam hal ini kita sepatutnya bukan sahaja menyediakan peruntukan duit yang lebih banyak kepada pihak pusat pengajian tinggi, tetapi kakitangan pusat pengajian tinggi hendaklah juga berusaha ke arah meramaikan lagi pelajar-pelajar bumiputera. Bukan sahaja menambah gaji kakitangan, tetapi menambah pelajar-pelajar bumiputera ke pusat pengajian tinggi, kerana kita bimbang dalam menghadapi cabaran yang akan datang.

Penswastan pusat-pusat pengajian tinggi akan berlaku banjir universiti swasta di masa depan dalam negara kita, akan berlaku tidak perseimbangan di antara pelajar-pelajar bumiputera di pusat pengajian tinggi dengan pelajar-pelajar bukan bumiputera. Kita juga tahu bahawa rata-rata bumiputera adalah dari kalangan miskin, dari kalangan yang tidak berada,

yang tidak berkemampuan untuk membiayai ke pusat pengajian tinggi, terutamanya pusat pengajian tinggi swasta.

Saya rasa itulah secara ringkas yang dapat saya beri pandangan berhubung dengan perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Machang

5.27 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan peruntukan tambahan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan bahawa setiap tahun peruntukan-peruntukan ini dipohon untuk ditambah kerana ianya tidak cukup untuk membiayai beberapa kementerian. Walaupun jangkaan awal sudah dibuat, tetapi dalam keadaan tertentu barangkali peruntukan-peruntukan tambahan ini adalah perlu. Dalam kita meluluskan peruntukan tambahan yang dipohon oleh kerajaan dan oleh kementerian-kementerian ini, beberapa perkara kita mesti mengambil perhatian.

Yang pertama, bahawa peruntukan wang yang banyak untuk dibelanjakan bagi membiayai apa sahaja program-program yang dibuat oleh kerajaan mestilah diimbangi dengan perasaan tanggungjawab untuk menjaga nilai-nilai murni dalam masyarakat tetap terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada maknanya peruntukan-peruntukan yang banyak dibelanjakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan jika nilai-nilai murni yang saya maksudkan tadi diabaikan. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pendidikan yang sebahagian besarnya peruntukan dipohon dalam peruntukan tambahan ini.

Saya merujuk kepada Kementerian Pendidikan dan semua Ahli-ahli Dewan tentang suatu kajian yang dibuat di Johor Bahru yang cukup mendukacitakan saya sebagai seorang Islam dan barangkali orang-orang lain yang beragama Islam. Suatu kajian yang dibuat ke atas penuntut-penuntut beragama Islam yang berumur 12 tahun ke atas tentang kedudukan pengetahuan mereka berhubung dengan prinsip-prinsip asas Rukun Islam dan sembahyang lima waktu.

Bagi perhatian kementerian, saya ingin menyebut kembali kajian-kajian yang disebutkan ini.

Kajian ini telah dilakukan ke atas 133 murid Tahun Enam, dalam enam buah sekolah di Johor Bahru, negeri Johor, dan hasilnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah seperti berikut:

Soalan pertama, 'Adakah anda boleh mengucap dua kalimah syahadat?' Yang boleh mengucap jawabnya ialah 94%. Yang tidak boleh mengucap, 6%.

Soalan kedua, 'Adakah anda boleh membaca surah Al-Fatihah?' Yang boleh membaca 97%, yang tidak boleh membaca 3%.

Soalan ketiga, "Adakah anda tahu rukun Islam?" Yang mengetahui rukun Islam jawabnya 74%, yang tidak tahu 26%.

Soalan keempat, 'Adakah anda menunaikan solat lima waktu?' Yang menjawab 'ya' ialah 11%, yang 'tidak' 89%. 89% tidak menunaikan solat lima waktu.

Kemudian ditanya pula tentang tanggungjawab ibu bapa. 'Adakah bapa anda menunaikan solat lima waktu?' Yang menjawab 'ya' hanya 38%, yang 'tidak' 62%.

Soalan ketujuh, 'Adakah ibu anda menunaikan solat lima waktu?' Yang menjawab 'ya' 47%, yang 'tidak' 53%.

Cuba kita bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang Islam—saya tidak berniat untuk mengajar pihak kementerian, cuma untuk membangkitkan perkara ini supaya memelihara nilai-nilai murni, khususnya tanggungjawab ibu bapa dan kita sebagai seorang Islam. Kalau inilah hasilnya, kanak-kanak yang berumur 12 tahun, yang saya percaya umur 12 tahun bagi perempuan sekarang ini sudah akil baligh. Kalaulah jawapan yang mengatakan bahawa apabila berumur 12 tahun yang tidak menunaikan solat lima waktu 89%, hampir 90%, adalah suatu angka yang cukup membimbangkan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, di samping kita menubuhkan institusi-institusi pengajian tinggi swasta, di samping kita memperkenalkan Akta Pendidikan Tahun 1995 dan akta-akta yang berkaitan, pihak kementerian mestilah mengambil kira bahawa tugas dan tanggungjawab ini adalah perlu diperhatikan sama. Walaupun pihak sekolah atau pihak kementerian tidak boleh dipertanggungjawabkan sepenuhnya, tetapi perasaan tanggungjawab itu mestilah diserap, kerana pengajian keduniaan semata-mata adalah tidak menjamin untuk membentuk masyarakat madani, seperti yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Nilai-nilai murni dan kepercayaan kepada agama seperti ini mesti diterap, bukan sahaja diterap, tetapi diamalkan, dipraktikkan di semua sekolah-sekolah itu supaya kita dapat melahirkan satu generasi yang bertanggungjawab bukan sahaja untuk kebahagiaan di dunia, tetapi kebahagiaan akhirat jua.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk menyentuh lebih panjang daripada itu dari aspek ini. Cuma sekadar membangkitkan isu ini kepada kementerian supaya di dalam program-program, kurikulum-kurikulum yang akan

diatur oleh pihak sekolah supaya aspek-aspek pendidikan rohani ini tidak kira pelajar beragama Islam dan bukan agama Islam, mestilah ditekankan. Hasil daripada tumpuan kita yang menumpukan terlalu banyak kepada kemajuan kebendaan, kejayaan, kelulusan yang cemerlang, hasil yang diperbuat inilah cukup mengecewakan kita, Tuan Yang di-Pertua. Marilah kita, sebagai ibu bapa, selaku Ahli-ahli Parlimen, menteri dan mereka yang bertanggungjawab supaya dapat memperbetulkan keadaan ini sebelum ianya menjadi terlambat.

Saya tidak mempunyai perangkaan berhubung dengan keruntuhan moral pelajar-pelajar sekolah dan muda-mudi kita. Saya tidak berhajat untuk menyentuh perkara itu dalam peringkat ini. Cukuplah sekadar kita mengambil iktibar daripada perangkaan yang saya sebutkan tadi, bahawa sudah tiba masanya kita, selaku ibu bapa atau selaku pemimpin politik, supaya mengambil tanggungjawab ini untuk membetulkan keadaan sebelum ianya menjadi lebih parah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan di sini ialah berhubung dengan pembaziran di jabatan-jabatan kerajaan. Seperti yang saya katakan tadi, tidak ada maknanya kita meluluskan peruntukan beratus-ratus juta ringgit, kalaulah peruntukan tersebut tidak menepati sasaran dan masih berlaku pembaziran.

Bagi tujuan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik suatu laporan atau kenyataan yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara dalam suatu kenyataan di Kuching yang telah memberikan perangkaan-perangkaan berikut.

Mengikut beliau, pembaziran di kalangan jabatan-jabatan kerajaan masih lagi berleluasa, walaupun banyak usaha dijalankan bagi mengatasinya. Katanya, pembaziran itu yang terdiri daripada bahan,

wang, masa dan tenaga manusia melibatkan 20% hingga 45% daripada jumlah perbelanjaan tahunan sesuatu jabatan. Oleh itu, punca-punca pembaziran perlu dikenal pasti dan dibasmikan serta dicegah daripada berlaku lagi di masa hadapan. Katanya dalam ucapan perasmian Majlis Penyampaian Anugerah dan Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja sektor awam di peringkat kebangsaan di sini.

Menurutnya lagi, 65% daripada waktu kerja digunakan bagi kerja-kerja yang tidak berfaedah. Angka ini juga cukup memeranjatkan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hendak mempertikaikan angka ini, sudah tentulah tidak ada asasnya kerana ia dikeluarkan oleh seorang penjawat awam yang tertinggi dalam negara ini, iaitu Ketua Setiausaha Negara. Yang menyedihkan kita, Tuan Yang di-Pertua, ialah 20% hingga 45% daripada jumlah perbelanjaan tahunan sesuatu jabatan, 20% hingga 45% terdapat pembaziran. Angka 20% hingga 45% ini ialah suatu angka yang besar.

Malangnya, beliau tidak menyebut apakah, tempat di mana berlaku pembaziran ini. Tetapi saya percaya, kenyataan yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara ini adalah suatu kenyataan yang berasas kepada fakta dan kajian serta pengalaman beliau selaku seorang penjawat awam yang tertinggi dalam negara ini. Tentulah ada asasnya. Jika demikiannya, kalau kita meluluskan peruntukan beratus juta ringgit, ribu juta ringgit sekali pun, kalaulah satu jutaringgit kita lulus, maka RM200,000 hingga RM400,000 hilang dengan pembaziran, apa maknanya ini. Tentunya ianya tidak akan membawa apa-apa makna untuk membantu kementerian berkenaan dan rakyat khususnya untuk menikmati daripada peruntukan yang diluluskan. Saya menyeru kepada pihak kerajaan supaya mengenal pasti tempat-tempat di mana pembaziran ini berlaku dan mencari jalan supaya pembaziran yang berlaku ini dapat dikurangkan atau seterusnya diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Masyarakat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. (*Ketawa*) Penjelasan. Adakah masuk dalam pembaziran, kadang-kadang pegawai tak buat kena marah. Misalnya, bila menteri hendak melawat satu tempat. Dijangka yang akan sambut 5,000 orang. Lalu disediakan nasi bungkus 5,000. Tibatiba yang datang hanya 1,000 orang. Maka 3,000 nasi bungkus terpaksa dibazirkan. Begitu juga minuman. Kalau pegawai kerajaan tak sedia macam itu, dia dimarah oleh menteri. Adakah ini termasuk dalam pembaziran?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, inilah pembaziran yang maha hebat. (*Ketawa*) Tetapi saya tak sentuh itu, kerana itu pembaziran aspek lain. Saya sentuh tadi ialah pembaziran dari segi jabatan-jabatan kerajaan.

Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak bercakap mengenai pembaziran ini, tentu banyak. Tetapi saya menyebut ini nanti, kalau saya membuat kenyataan yang melulu, yang tak ada angka, nanti saya dituduh membuat perkara-perkara tanpa bukti yang jelas. Insya-Allah, barangkali saya juga akan meminta untuk membuat kajian perkara-perkara tersebut, dan insya-Allah, saya akan cakap dalam Dewan ini, pembaziran yang dibuat oleh orang-orang politik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya hendak sentuh ialah berhubung

dengan Akta Keganasan Rumah Tangga. Tadi Yang Berhormat dari Marang telah menyebut, hasil daripada lulusnya satu rang undang-undang yang bernama Akta Keganasan Rumah Tangga, yang telah diluluskan oleh menterinya pada masa itu yang membawa usul ke dalam Dewan ini sebelum pilihanraya lepas, iaitu Yang Berhormat Dato' Paduka Napsiah Omar. Boleh sebut, Tuan Yang di-Pertua, fasal dia bukan ahli lagi sekarang.

Saya ingat semasa rang undang-undang ini dibawa bacaan kali pertama dalam Dewan ini, saya menulis surat secara peribadi kepada Yang Berhormat menteri pada masa itu untuk berjumpa dengan beliau atas sifat saya selaku seorang Islam dan beliau juga seorang Islam.

Saya menulis surat secara peribadi dan berjumpa di luar Dewan, minta hendak berjumpa dengannya. Hendak mengemukakan pandangan saya bahawa terdapat beberapa peruntukan di dalam akta ini yang bercanggah dengan undang-undang Islam. Beliau baik dan memberi peluang kepada saya untuk berjumpa. Saya mengadakan perjumpaan dengan beliau di dalam Bilik Jawatankuasa di sebelah pejabat Setiausaha dalam dewan ini. Saya telah menggaris kepada beliau dan menyebut satu persatu tentang peruntukan-peruntukan ini yang pada pandangan saya selaku seorang peguam dan seorang Islam bercanggah dengan peruntukan-peruntukan atau syariah Islam. Saya meminta beliau menanggungkan rang undang-undang tersebut supaya merujuk kepada alim ulama untuk mendapatkan pandangan yang jelas dan tepat, kalau beliau tidak boleh menerima pandangan saya. Barangkali dia memikirkan saya bukan begitu mahir dalam soal-soal agama, maka, kalau itulah matlamatnya saya minta dia tangguh bacaan kali kedua, rujuk perkara ini kepada alim ulama untuk mendapat pandangan yang jelas supaya kita orang Islam tidak lagi merasa sangsi untuk mengguna pakai undang-undang

ini. Ia menjawab kepada saya, tidak perlu kerana jabatannya sendiri telah pun mengkaji perkara ini, maka bawalah dalam Dewan ini dan lulus Akta Keganasan Rumahtangga. Kita tunggu, tunggu Akta Keganasan Rumahtangga sampai sekarang tidak diimplementasikan dan saya mendengar khabar salah satu sebab mengapa akta ini tidak diimplemen ialah kerana terdapatnya beberapa peruntukan yang sememangnya bercanggah dengan peruntukan undang-undang Islam.

Dua minggu lepas Yang Berhormat Menteri yang baru membuat kenyataan bahawa Rang Undang-undang ini tidak bercanggah dengan undang-undang Islam, setelah membuat kenyataan semasa menjawab soal di dalam Dewan ini. Tadi Yang Berhormat dari Marang menyebut contoh-contohnya, beberapa contoh peruntukan di dalam akta ini yang nyata bercanggah dengan peruntukan Islam. Sekarang ini kita mempunyai dua pendapat, satu pendapat dari Yang Berhormat Marang. Saya boleh quote beliau sebab saya fikir beliau layak dalam aspek ini dan kita ada satu pendapat dari pihak kerajaan.

Tentulah perkara-perkara seperti ini, selaku umat Islam, kita merasa sensitif. Kita tidak mahu nanti bila akta ini dilaksanakan, terdapat suami Islam yang dituduh merogol isterinya sendiri, tentu kita tidak mahu mendengar perkara-perkara tersebut dan tentu kita tidak mahu mendengar seorang isteri akan mendakwa bahawa beliau boleh keluar rumah bila-bila masa, walaupun tanpa izin suaminya, kerana ternyata keluar rumah tanpa izin adalah bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Tentulah kita tidak mahu dengar orang ramai dan masyarakat Islam dalam negara ini akan mengkritik bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak Islam ataupun kerajaan Barisan Nasional tidak menjaga hati orang-orang Islam.

Sekarang ini kita memberi kenyataan ini awal-awal lagi kepada pihak kerajaan supaya mengkaji perkara ini. Jangan apabila nanti kita turun ke kampung dan terangkan kepada rakyat, dia marah kepada kita. Saya bukan bercakap dalam Dewan ini sahaja, di luar pun saya pernah bercakap, kerana saya telah memeriksa akta ini satu persatu peruntukan, misalnya peruntukan mengenai hak isteri untuk keluar rumah. Di sebut di dalam itu bahawa isteri boleh keluar rumah bila-bila masa dan suaminya tidak boleh halang atas apa-apa sebab sekalipun. Misalnya kalau dia hendak keluar rumah untuk berjumpa boyfriend—suami tidak boleh halang. Terdapat peruntukan di mana kalau kita membaca dan mentafsirkan itulah peruntukan yang terpakai. Adakah ini selaras dengan prinsip-prinsip Islam? Tentulah perkara-perkara seperti ini perlu dikaji secara teliti supaya perasaan dan hati umat Islam dalam negara ini tidak dikhianati ataupun mereka merasakan bahawa kerajaan cukup mempunyai sikap bertanggungjawab.

Oleh yang demikian saya menyeru, bukan saya menentang gerakan wanita ataupun gerakan pertubuhan-pertubuhan NGO yang mendesak akta ini—boleh dilaksanakan, tetapi peruntukan-peruntukan yang ragu ataupun yang nampaknya bercanggah dengan peruntukan undang-undang Islam ini perlu diperhatikan terlebih dahulu dan satu penal yang terdiri daripada alim ulama mesti dibentuk sebelum akta ini digazet atau tarikh kuatkuasanya diluluskan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya apa yang saya ingin sebut ialah penyelarasan mengenai undang-undang Islam. Kita tahu dalam negara ini undang-undang Islam adalah bidang kuasa kerajaan negeri bukan bidang kuasa kerajaan pusat, walau bagaimanapun, demi menyelaraskan peruntukan undang-undang Islam di tiap-tiap buah negeri

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat Machang mengenai Akta Keganasan Rumahtangga. Semasa menteri menjawab minggu lepas, ketika kita membahaskan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong dan pihak pembangkang juga telah membawa usul khasnya dari DAP supaya Akta Keganasan Rumahtangga ini dipercepatkan, tetapi pada hari ini kita dengar Semangat 46 minta ditangguhkan Akta tersebut, jadi, saya hendak minta penjelasan mengapa agaknya DAP ini begitu beria-ia sangat mendesak kerajaan supaya cepat melaksanakan Akta Keganasan Rumahtangga ini. Adakah mereka mempunyai niat untuk menghina agama Islam seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, susah bagi saya hendak melihat niat dalam fikiran orang lain. Tetapi saya dari parti Melayu Semangat 46 dan saya sendiri, saya tegas. Dalam soal prinsip kita mesti tegas, sebab itu dalam membahaskan Akta Pendidikan baru-baru ini saya telah menyatakan bahawa dalam soal prinsip kita tidak boleh berkompromi. Sebab itu saya marah, bila Barisan Nasional, khususnya UMNO dalam masa membahaskan itu, saya tidak kiralah sama ada pendapat ini bercanggah atau tidak, itu perkara kedua, tetapi prinsip mesti dipertahankan, khususnya perkara-perkara yang menjadi sensitif kepada umat Islam dalam negara ini.

Begitu juga dengan perkara-perkara lain yang menjadi sensitif kepada orang-orang bukan Islam, juga perlu kita jaga, bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga undang-undang lain yang sensitif

kepada orang-orang bukan Islam mesti kita perhati dan kaji terlebih dahulu sebelum sesuatu perkara itu dilaksanakan. Tetapi perkara-perkara yang menjadi sensitiviti sama ada dari segi kaum atau agama ini, oleh kerana kita adalah masyarakat berbilang kaum, mestilah di kaji sehabis-habisnya. Kalau tidak, usaha selama ini untuk menyatupadukan rakyat dalam negara ini tidak akan membawa apa-apa makna.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta sedikit penjelasan. Adakah Yang Berhormat setuju. Daripada kata-kata Yang Berhormat tadi kita boleh buat kesimpulan seolah-olah DAP pada hari ini dengan desakan-desakan yang dibuat menunjukkan bahawa parti DAP ini satu parti yang tidak memikirkan sensitiviti rakyat ataupun agama di dalam negara kita. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju dengan desakan DAP yang boleh disimpulkan seolah-olah mereka bertindak tanpa mengira perasaan kaum dan juga agama rakyat di Malaysia ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Itu tafsiran Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya tidak tafsirkan begitu. Itu tafsiran beliau sendiri. Saya kembali kepada tajuk.

Tuan Noh Bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi.

Tuan Noh bin Omar: Ini bukan tafsiran saya Yang Berhormat. Yang Berhormat menyatakan tadi sesuatu perkara kalau kita hendak buat kita mesti

kaji, kita mesti teliti dan kita mesti lihat perasaan dan juga sensitiviti agama dan juga perasaan kaum lain. Pada hari ini jelas menunjukkan bahawa DAP begitu mendesak sehingga membuat satu usul di dalam Dewan ini supaya dilaksanakan segera Akta Keganasan Rumahtangga ini. Tadi Yang Berhormat telah memegang satu prinsip bahawa mesti dikaji perasaan dan juga agama kaum di negara kita. Jadi, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat adakah cara DAP bertindak ini satu cara Yang Berhormat fikirkan mereka ini bertindak bertentangan dengan prinsip yang patut diamalkan oleh rakyat Malaysia?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tadi saya sudah kata, Tuan Yang di-Pertua, itu tafsiran Yang Berhormat sendiri. Parti Melayu Semangat 46 dan parti DAP dua buah parti yang berbeza. Itu mempunyai tafsiran masing-masing, tetapi saya bercakap selaku orang Islam, sensitiviti seperti ini mesti kita kena kaji.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam soal yang lain misalannya perjudian. Tidak ada agama dalam negara ini sama ada agama Buddha, Islam atau Kristian yang menggalakkan perjudian, semua orang kata bahawa judi itu tak baik. Tetapi, yang menjadi masalah kepada kita, mengapa kerajaan terlalu berat hendak mengharamkan perjudian? Itu yang saya tak faham. Kalau semua orang mempunyai pendapat yang sama, bahawa judi itu tak baik, tanyalah agama mana sekali pun, judi itu memang tak baik, tanya sama ada orang-orang Buddha, tanya orang Kristian, tanya orang Islam baik, memang tidak menyokong perjudian.

Tetapi mengapa kerajaan begitu berat untuk mengharamkan perjudian, membatalkan lesen-lesen judi ini. Mengapa begitu berat sekali, sedangkan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia boleh menerima bahawa judi itu tidak baik. Apakah kita hanya memikirkan soal

untuk mendapat keuntungan semata-mata? Aspek kewangan sahaja perlu kita fikir, kita mengabaikan aspek-aspek, nilai-nilai murni yang baik. Ini juga perlu diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada tajuk yang sedang saya bercakap tadi iaitu mengenai penyalarsan undang-undang Islam. Kita tahu bahawa undang-undang Islam adalah bidang kuasa kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, peringkat pusat mempunyai suatu majlis perundingan untuk menyalarskan undang-undang ini. Semasa membahaskan Titah Ucapan DiRaja baru-baru ini, saya telah mengemukakan pandangan saya kepada pihak kerajaan, sudah tiba masanya kalau kita ingin melihat penyalarsan undang-undang Islam yang sekarang ini ditadbirkan oleh negeri-negeri mempunyai tarafnya yang tersendiri dalam negara ini. Institusi dan penjawat yang memegang jawatan dalam meninggikan syiar Islam tadi, perlu dirombak dan diperbaiki segera. Sebab itulah, semasa membahaskan Titah Ucapan DiRaja baru-baru ini, saya telah mencadangkan kepada pihak kerajaan, yang pertama sekali, sudah tiba masanya kita mengenengahkan peranan-peranan alim ulama dalam negara ini supaya mengambil bahagian dalam proses pembangunan negara. Soal halal haram perlu diambil kira.

Sebab itu kita mencadangkan supaya selain daripada kerajaan-kerajaan negeri yang dicadangkan supaya melantik mufti-mufti di setiap negeri menjadi ahli *Ex-Officio* kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Semua negeri-negeri dalam Malaysia ini bukan setakat negeri-negeri sahaja, ianya mesti diperluaskan kepada kementerian-kementerian, mesti diperluaskan kepada Mesyuarat Jemaah-jemaah Menteri supaya arus pembangunan yang sedang pesat berjalan dalam negara kita sekarang ini akan selari dengan

pembangunan kerohanian yang sama-sama dicita-citakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan menyelaraskan undang-undang Islam dalam negara ini, adalah tidak elok kita mempunyai undang-undang yang berbeza, kadang-kadang Undang-undang Nikah Cerai di negeri Kelantan berlainan dengan Undang-undang Nikah Cerai di negeri Selangor, berbeza pula dengan negeri Johor. Semuanya mempunyai enakmen atau undang-undang yang berbeza. Tentulah amat merugikan kita apabila seseorang Islam yang berada di Kelantan mengguna-pakai undang-undang Islam yang berbeza dengan Selangor. Ini akan merugikan kita, tentulah pihak kerajaan tidak mahu melihat perkara ini berlaku.

Oleh yang demikian, majlis yang bertanggungjawab khususnya Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri mesti memainkan peranan supaya undang-undang yang berbeza ini diuniformkan ataupun diselaraskan supaya tidak terdapat percanggahan-percanggahan yang nyata dari segi perjalanan dan penguatkuasaannya di tiap-tiap buah negeri.

Tetapi yang kita dengar seruan sekarang ialah rasa tak puas hati pelaksanaan undang-undang ini oleh kerajaan negeri, kuasa itu hendak diambil. zakat hendak ditarik ke pusat, beberapa undang-undang mesti dibawa ke pusat—itu suara-suara yang kita dengar. Ini tidak akan menyelesaikan masalah. Dalam kedudukan sekarang pun, jika pihak kerajaan ikhlas, saya percaya penyelarasan ini dapat dibuat.

Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau kita tengok perjalanannya sekarang, walaupun ada majlis berkenaan, ada majlis di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Islam, tetapi masih berlaku undang-undang yang tidak selaras, ini cukup merugikan dan orang boleh memandang rendah

tentang pelaksanaan undang-undang ini yang tidak selari di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan-pandangan saya berhubung dengan perkara-perkara khususnya kementerian-kementerian dan saya berharap pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang saya buat ini akan diambil perhatian. Kalau tak mahu pakai semua pun, sedikit-sedikit pun tidak mengapalah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tuan.

5.55 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang untuk membahas peruntukan tambahan yang baru dibentangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pandangan daripada Machang berkenaan dengan pembaziran kerana kita ketahui terlalu banyak peruntukan yang diminta dan kita tidak membantah tentang peruntukan yang diberi itu asalkan kerajaan mampu untuk membiayainya dan kakitangan kerajaan pula yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek kerajaan, janganlah mengabaikan ataupun mensia-siakan hasrat kerajaan untuk memberi peruntukan itu.

Sebaik-baiknya kakitangan kerajaan haruslah berinteraksi dengan kerajaan iaitu kerajaan memberi peruntukan bukan semestinya lesen untuk kakitangan kerajaan untuk membazir wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak kakitangan kerajaan haruslah memikul tanggungjawab mereka dengan sebaik-baiknya. Oleh kerana mereka juga adalah

sebahagian daripada masyarakat ataupun rakyat dan kalau keadaan ekonomi negara bertambah merosot oleh kerana tingkah laku mereka yang tidak bertanggungjawab, mereka juga akan sama-sama menerima akibatnya nanti.

Jadi, adalah wajar kalau pihak kakitangan kerajaan akan mengambil perhatian tentang teguran-teguran yang diluahkan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang sungguh menyedihkan dari segi tingkah laku kakitangan kerajaan ialah keadaan di Sabah sekarang ini. Sabah kini menjadi sangat popular di dalam hal penyiasatan polis. Tetapi di dalam hal penyiasatan polis itu kita merasa malu oleh kerana seolah-olah negara kita ini sudah menjadi pusat penyeludupan senjata. Kenapa ini boleh berlaku begitu lama? Adakah pihak polis begitu lemah sekali pentadbirannya bagi penapisan pengeluaran lesen senjata.

Tuan Yang di-Pertua, yang aneh sekali ialah kita bukan pengeluar senjata ataupun mungkin ada pun hanya sekadar untuk keperluan kita sendiri, tetapi ada pula lesen mengeksport senjata diberi melalui Sabah dan ini saya rasa tidak perlu kerana kita tidak mahu menggalakkan pengeksportan ataupun pengeluaran senjata yang berleluasa di luar daripada kawalan kita. Kalau-kalau nanti, senjata itu jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab dan ini jelas telah terbukti berlaku di Taiwan di mana seorang daripada rakyat Sabah sudah ditangkap, perkara ini telah menjejaskan imej negara kita di peringkat antarabangsa.

Satu lagi perkara ialah hal pelesenan. Saya fikir pihak polis ataupun mungkin Ketua Polis Negara telah bertindak wajar di dalam membuat penilaian semula tentang pemilikan senjata. Tetapi yang kita hairan ialah kenapa semua rakyat

yang memiliki senjata harus menyerahkan kembali senjata mereka. Ini boleh menimbulkan dua perkara yang tidak kita ingini. Pertama, ialah menyusahkan rakyat miskin di luar bandar yang telah diberi lesen. Mereka bukan senang berjalan.

Tuan Yang di-Pertua sendiri pun tahu keadaan orang kampung di Sabah, kalau mereka datang ke bandar untuk menyerahkan senjata mereka akan berjalan mengambil masa berhari-hari. Tetapi tempoh yang diberi oleh pihak berkuasa polis terlalu singkat sekali dan tidak diketahui apa tindakan kelak kalau mereka tidak sempat untuk menyerahkan senjata mereka.

Adakah tidak wajar kalau pihak polis hanya mengambil inisiatif untuk membuat penyelidikan di mana hanya yang diragui mereka dikehendaki menyerahkan senjata mereka? Tidak seharusnya menyeluruh oleh kerana ini menyusahkan rakyat. Kita tahu bahawa sebelum senjata itu dikeluarkan, pihak polis telah membuat penyelidikan sebaik-baiknya dan lesen senjata itu harus dikeluarkan kalau mereka layak menurut syarat-syarat yang ditentukan tetapi seolah-olah polis sendiri mempersoalkan tindakan mereka yang mengeluarkan lesen senjata dan ini boleh memalukan polis sendiri, menambahkan lagi bukan sahaja bebanan tetapi persoalan tentang kewibawaan polis sendiri. Kenapa ini boleh berlaku?

Seharusnya perkara ini jangan diheboh-hebohkan sehingga semua pengeluaran lesen senjata itu harus diselidiki semula di seluruh negara. Adakah pegawai-pegawai polis meragui kewibawaan pegawai-pegawai polis yang lain yang telah diberi tanggungjawab untuk membuat penapisan permohonan yang dahulu? Maka, pegawai-pegawai yang baru ini kita percayai kewibawaan mereka. Saya fikir itu jangan kita pandang ringan. Ini akan mempersendakan imej polis itu sendiri kalau kita tidak berhati-hati.

Yang kedua di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang keselamatan mereka yang telah memiliki senjata. Kita tahu bahawa lesen senjata itu dikeluarkan untuk perlindungan beberapa orang yang memikirkan bahawa mereka perlukan senjata sebagai perlindungan diri ataupun perlindungan harta. Misalnya, pemilik-pemilik estet terutama di Pantai Timur di Sabah. Kita tahu bahawa mereka selalu terancam, harta benda musnah ataupun dirampas. Ini berlaku memandangkan perbuatan pendatang-pendatang asing tanpa izin di Sabah dan jikalau mereka tahu bahawa tidak ada senjata di estet-estet, percayalah, Tuan Yang di-Pertua, mereka akan bertindak lebih ganas dan lebih berleluasa. Jadi, hal itu jangan kita overlook, dengan izin.

Jadi, saya minta supaya pihak Ketua Polis Negara akan mempertimbangkan semula keputusan beliau itu, walaupun memang saya menyokong bahawa sesuatu tindakan perlu diambil tetapi segala aspek tindakan itu mesti dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah mengenai...

Tuan Henrynus Amin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang.

Tuan Yunof Edward Maringking: Minta maaf, Yang Berhormat. Saya fikir kita tidak ada masa oleh kerana.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bersungguh-sungguh nampaknya. Sila, Yang Berhormat.

Tuan Henrynus Amin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada sahabat saya dari Tuaran yang telah membangkit persoalan mengenai senjata dan masalah yang timbul

disebabkan adanya tindakan polis untuk mengambil ataupun mengembalikan senjata-senjata hampir keseluruhannya di negeri Sabah. Saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat dari Tuaran bersetuju bahawa nampaknya masalah ini ditimbulkan oleh kerana ada keperluan yang sangat mendesak di kalangan rakyat di negeri Sabah oleh kerana merasakan bahawa diri mereka tidak selamat yang disebabkan suasana ataupun kekhawatiran mengenai dengan keselamatan disebabkan oleh kehadiran pendatang-pendatang asing dan juga tentang crimes ataupun jenayah yang dilakukan oleh pihak-pihak pendatang asing.

Jadi, adakah Yang Berhormat juga bersetuju bahawa ini adalah disebabkan juga kegagalan pihak keselamatan untuk menjamin satu suasana yang aman dan damai dan juga bagi rakyat untuk merasakan selamat apabila berada di estet atau di ladang-ladang ataupun apabila berada di bandar sekalipun? Terima kasih.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Yang Berhormat dari Kinabalu. Memang saya setuju bahawa kehadiran pendatang asing tanpa izin merumitkan lagi keadaan di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, dan saya percaya bahawa pihak polis juga menyedari hakikat itu. Saya percaya juga bahawa itu adalah satu faktor yang diambil kira oleh pihak polis bila mengeluarkan lesen senjata api tetapi yang kita hairan ialah kenapa pula sekarang tidak diambil perhatian oleh pihak polis? Jadi, setakat itu sahaja penjelasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, memandangkan kita diperuntukkan hanya satu hari untuk ucapan dasar, bolehkah Yang Berhormat sudahkan ucapan dalam masa lima minit? Selepas itu saya minta kementerian menjawab.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akan cuba tetapi ada dua perkara lagi yang penting. Saya akan cuba pendekkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Limaminit, kalau boleh.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, saya akan cuba.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah mengenai pendidikan. Kita merasa lega kerana pihak kerajaan telah membuat ataupun meluluskan peruntukan tambahan termasuklah Kementerian Pendidikan tetapi yang kita merasa kecewa ialah walaupun peruntukan ada tetapi tidak pula dibelanjakan. Misalnya, di Sabah ada terdapat 65 buah sekolah yang telah dirancang sepanjang Rancangan Malaysia Ke-6 tetapi hanya 12 sahaja yang telah dilaksanakan dan tidak ada jaminan kukuh bahawa yang belum dilaksanakan itu akan diteruskan dan tidak akan menjejaskan tentang pertambahan sekolah di Sabah kelak.

Yang paling menyedihkan lagi ialah keadaan di mana di Kampung Sonsogon di dalam daerah Bandau di mana 500 murid di luar bandar tidak mendapat pendidikan asas oleh kerana tidak ada sekolah. Namun, di dalam Rancangan Malaysia Ke-7 tidak ada sekolah akan dibina di situ oleh kerana dikatakan lebih banyak lagi tempat-tempat lain yang lebih memerlukan sekolah.

Jadi, ini menunjukkan bahawa walaupun 500 murid itu tidak mendapat pendidikan ada lagi yang lebih teruk daripada itu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apa yang telah dilakukan? RM250 juta diperuntukkan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-6 tetapi tidak dilaksanakan dan yang begitu mendesak pun dikatakan tidak dapat dibuat sekolah oleh kerana lebih banyak lagi yang lebih terdesak.

Kita minta supaya pihak Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan khusus untuk membina sebuah sekolah di Kampung Sonsogon di dalam kawasan Bandau supaya kanak-kanak seramai 500 hingga 1,000 orang yang tidak mendapat pendidikan asas itu tidak akan terus ketinggalan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-7 nanti.

Yang terakhir sekali ialah mengenai Sabah baru. Kita tidak lupa membangkitkan Sabah baru oleh kerana ini adalah satu agenda Barisan Nasional semasa pilihanraya tahun 1994. Tetapi yang menyedihkan ialah tidak ada pembangunan, tidak ada yang baru. Yang baru ialah hanya pertelingkahan antara pemimpin-pemimpin Barisan Nasional berebut-rebut kuasa. Itu sahaja yang baru di peringkat negeri. (*Ketawa*)

Ada yang mahu mempertahankan jawatan Ketua Menteri, ada yang mahu merebut jawatan Ketua Menteri dan sibuk pula untuk mengubah undang-undang semata-mata untuk perebutan kuasa. Jadi, saya fikir ini tidak sihat. Tidak ada kestabilan politik di negeri Sabah seperti yang dijanjikan, malah lebih teruk.

Jadi, saya fikir, itu sahaja pandangan saya dan saya harap pihak Kerajaan Persekutuan tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya, terutama di Sabah.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Kewangan, sila jawab.

6.02 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam

membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995)(No.2) 1996 dan usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1995 dan Tambahan Pertama 1996.

Ahli dari Kepong telah menyatakan bahawa kerajaan pada masa ini banyak membangunkan projek-projek mega dan projek-projek raksasa yang bertaraf dunia dan Ahli Yang Berhormat menyokong, tetapi katanya bahawa Putrajaya, KLIA, Hidroelektrik Bakun, sistem LRT dan sebagainya itu akan menjejaskan keadaan ekonomi kita.

Apa yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri bahawa hidroelektrik Bakun umpamanya adalah semestinya dilakukan dalam jangka masa panjang. Kalau tidak, kita akan menghadapi masalah hidroelektrik ataupun masalah power di masa akan datang.

Begitu juga dengan KLIA, oleh kerana lapangan terbang kita sekarang ini agak sesak dan oleh kerana ekonomi kita melambung tinggi dan juga kita dikenali seantero dunia, ramai pelabur-pelabur yang akan datang melabur di negara kita dan KLIA perlu diwujudkan untuk menampung kebanjiran orang ramai, termasuk juga pelancong-pelancong ke negara kita.

Mengenai sistem LRT, seperti mana yang telah dikatakan selalu bahawa kita sekarang ini sedang menghadapi kesesakan jalan raya dan kita harapkan sistem LRT yang akan dibangunkan itu serba sedikit akan dapat melegakan kesesakan lalu lintas di ibu kota kita.

Mengenai bidang kehakiman, Yang Berhormat dari Kepong telah menyatakan bahawa Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri menyatakan bahawa mutu penghakiman di negara kita ini merosot dan beliau telah mencadangkan

beberapa cadangan dan pihak kerajaan akan mengambil ingatan tentang cadangan itu.

Ini juga mengenai freedom of the press yang diperkatakan di bawah scope of ethics yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, seperti mana yang diketahui bahawa kita hendaklah berpijak di bumi nyata, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung kerana kita mempunyai cross cultural pada masa ini di mana orang-orang Barat mengatakan sesuatu perkara itu elok, tetapi kita mengatakan sesuatu perkara itu tidak elok.

Umpamanya, apa yang selalu diperkatakan, terutamanya tentang cross cultural ini ialah mengenai ramai di antara ibu bapa kita yang menyuruh anak-anak kita menolong mereka di dalam mencari pendapatan misalnya dengan bekerja dan sebagainya. Kepada orang-orang Barat, ini menunjukkan child labour, tetapi kepada orang kita, ini menunjukkan satu sosialisasi atau socialization di mana mereka patut menolong ibu bapa dan patut juga belajar untuk mencari pendapatan. Di sinilah saya berharap, kalau dapat bahawa cross cultural ini dapat kita lihat daripada kacamata kita sendiri.

Yang Berhormat dari Kepong juga telah memuji kerajaan mengenai kecemerlangan pendidikan, tetapi dia juga mengatakan dalam masa yang sama mengenai pendedahan tanpa izin yang begitu berleluasa di negara kita. Ini oleh kerana negara kita telah mencapai taraf negara yang makmur sebanyak 8% hitung panjang selama 8 tahun. Pada tahun lepas 9.5% perkembangan ekonomi kita dan apa yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia semasa saya berada di kementerian tersebut, kita telah membuat banyak perbincangan dengan Menteri Buruh atau pun Menteri Guna Tenaga, terutamanya dari Indonesia dan kita telah

pun berbincang bahawa kita minta seelok-eloknya satu cara yang paling bagus diadakan supaya pekerja-pekerja asing ini datang melalui saluran yang tertentu.

Jika mereka datang melalui saluran yang salah, yang silap, tanpa izin, jadi undang-undang yang ada di negara kita tidak dapat melindungi mereka. Ini terutamanya kepada pihak swasta yang memeras tenaga mereka oleh kerana mereka takut untuk tampil ke hadapan dan mengadu kepada kerajaan kerana mereka adalah terdiri daripada pekerja-pekerja tanpa izin.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa hampir di tiap-tiap tempat, kerana kekurangan pekerja-pekerja di banyak tempat, apabila timbulnya masalah pendatang asing tanpa izin, pihak majikan dan pihak yang tertentu tidak tampil ke hadapan seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walaupun ada kaedah dan ada undang-undang sekarang, tidak dapat membendung semua ini. Kerana pihak Kementerian Kewangan dan pihak Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai cukup kakitangan untuk mengendalikan dan mengawal selia semua. Yang Berhormat dari Padang Terap pun tahu.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Saya tahu Yang Berhormat dari Kepong tahu permasalahan yang dihadapi mengenai kekurangan kakitangan. Walau bagaimanapun, apa yang telah dilakukan di dalam Ops Nyah 1 dan Ops Nyah 2 yang dijalankan bersama oleh Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam

Negeri, pihak polis dan sebagainya cuba membanteras pendatang-pendatang asing tanpa izin ke negara kita.

Walaupun bagaimanapun, segala penangkapan yang telah dijalankan telah dibawa ke kem yang tertentu. Ini menyebabkan kebanjiran di khemah-khemah yang berkenaan. Sungguhpun begitu, apa yang akan dilakukan oleh kerajaan ialah untuk membesarkan khemah-khemah ini dan menghantar balik separuhnya orang-orang yang tidak berkenaan itu kembali ke tanah air mereka sendiri.

Tetapi, apa yang kita harapkan sama, iaitu apa yang dilakukan sekarang bahawa pihak Rela, pihak JKKK akan menjadi telinga dan mata kerajaan untuk memberitahu kerajaan di mana tempat-tempat pendatang-pendatang asing ini yang rajin mendarat.

Jadi, kita harapkan sangat, dengan adanya kerjasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di peringkat ibu pejabat dan di peringkat daerah, termasuk peringkat kampung, Ops Nyah 1 dan Ops Nyah 2 serta lain-lain operasi yang dibuat dapat kita membanteras mereka.

Saya teringat semasa saya di Kementerian Sumber Manusia dahulu, apabila kita mengadakan IMT-GT iaitu Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle yang ada SIJORI di Johor dan EAGA di Sabah, Sarawak, Kalimantan dan Mindanao di Filipina, kita telah mengaturkan beberapa tindakan yang perlu dibuat dan telah dipersetujui oleh rakan-rakan jiran kita.

Pertamanya, apabila mereka hendak datang, mereka hendaklah diperiksa oleh doktor, apabila didapati sihat dan boleh bekerja, mereka akan dimasukkan di dalam satu training institute dan kita akan memberi mereka pendidikan atau tarbiyyah supaya mereka dapat tahu

apakah budaya kita yang ada di sini supaya dapat kita mengatasi masalah cross cultural ini.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya berharap kerajaan boleh teruskan dengan langkah-langkah yang diambil dan ops-ops yang diambil. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar dengan tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan misalnya dengan penyakit batuk kering (tuberculosis), sekarang lebih 800 kes dan 85% berpunca daripada pendatang asing. Walaupun tindakan, walaupun langkah diambil tetapi masalahnya berterusan.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Masalah itu kita sedar bahawa penyakit-penyakit yang sudah tidak wujud di Malaysia ini timbul balik sepertimana Yang Berhormat katakan tadi. Jadi, apa yang kita harapkan supaya dapat kita melalui Ops Nyah I dan Ops Nyah II membanteras pendatang tanpa izin. Ini masalah kita. Kalau pendatang yang mengikut saluran, mereka akan melalui beberapa langkah yang telah kita nyatakan tadi. Pertamanya, mereka mesti ada certificate kesihatan yang telah diuji ataupun yang telah diperiksa oleh pegawai kesihatan. Masalah yang kita ada sekarang ini ialah apabila mereka masuk melalui pintu belakang sepertimana Yang Berhormat sedia maklum kalau misalnya....

Tuan Yunof Edward Maringking: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tuaran bangun Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan daripada Setiausaha Parlimen. Memang kita tahu Yang Berhormat bahawa mereka yang masuk melalui saluran-saluran yang tertentu itu tidak menjadi masalah oleh kerana bukan sahaja kawalan yang seharusnya dikenakan dari segi kesihatan tetapi juga lain-lain aspek. Tetapi yang menjadi masalah ialah pendatang tanpa izin. Jadi, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah yang menyebabkan sebenarnya kerajaan tidak dapat membendung kedatangan rakyat asing tanpa izin ke negara ini dan sampai bilakah kerajaan akan membiarkan ini berterusan?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Sepertimana yang saya katakan tadi, kerajaan akan cuba sedaya upaya. Kalau di Sabah atau di Sarawak, kita telah pun menubuhkan satu task force untuk membanteras perkara ini dan ini sedang dijalankan. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi, masalah-masalah penghantaran pulang pekerja asing atau pendatang tanpa izin ini berlaku apabila kemerosotan ekonomi, jadi kita berharap sangat kalau misalnya ekonomi-ekonomi di negara jiran maju sepertimana yang kita kehendaki dengan adanya pertubuhan triangle ini tadi, bahawa mereka akan tinggal di tempat mereka. Sekarang ini kita membuat reverse investment di mana pihak swasta tidak payah lagi mengimport pekerja-pekerja asing untuk bekerja di ladang-ladang kelapa sawit ataupun getah, apa yang kita lakukan ialah pihak swasta kita akan menanam getah ataupun kelapa sawit di negara-negara jiran supaya mereka ditempatkan di sana dan mereka tidak datang lagi ke mari. Inilah tujuan selain daripada tujuan yang lain, IMT-GT, SIJORI, EAGA ditubuhkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Masalah pendatang asing ini, rumah-rumah yang dibangunkan oleh pendatang-pendatang asing yang begitu indah, yang begitu lawa dan begitu cantik telah diroboh begitu sahaja oleh pihak kerajaan. Apakah tidak ada jalan lain supaya rumah yang bagus itu diselamatkan supaya pembaziran tidak akan berlaku (*Disampuk*) sesuai dengan konsep kerajaan yang ada sekarang?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Kita kalau berdasarkan hukum Islam, masuk cara tanpa izin—batal. Jadi, maknanya sekarang ini (*Tepuk*) kalau misalnya perkara itu batal ataupun batil, ia tidak boleh diputihkan. Jadi, kalau keruh di hulu tidak akan jernih di hilir. (*Tepuk*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Jadi, apa yang dilakukan sekarang oleh kerajaan ialah supaya dapat majikan-majikan yang bertanggungjawab dengan kemasukan-kemasukan pekerja-pekerja asing mengikut saluran-saluran tertentu dengan akta-akta yang baru yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia supaya dapat majikan berkenaan mengadakan perumahan supaya dapat pekerja-pekerja ini tinggal dengan selesa.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya yang salah itu bukan rumahnya yang salah. Yang salah itu adalah manusia yang melakukan

kesalahan itu. Memang penyua itu haram dimakan tetapi telurnya halal dimakan.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Analogi tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya katakan tadi, kalau sekiranya rumah itu cantik molek tetapi kalau ia ditempatkan di tanah yang haram, apa yang ada di atas tanah, apa yang ada di bawah tanah—haram. (*Tepuk*) Jadi, ini yang kita pergi kepada natijahnya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Jadi....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Last! Apakah tanah yang haram itu tidak boleh dihalalkan?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Masalah halal haram ini bolehlah dibincangkan kemudian tetapi saya rasa kalau pepatah Melayu mengatakan "kalau keruh di air di hulu tidakkan jernih air di hilir." (*Tepuk*)

Masalah-masalah ini kerajaan akan cuba mengatasi mengenai pendatang-pendatang asing, kerajaan telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) mengadakan penguatkuasaan yang berterusan sepertimana yang dikatakan tadi Ops Nyah I dan Ops Nyah II;
- (ii) mensyaratkan bahawa pekerja asing dibenarkan bekerja di negara ini tidak melebihi 5 tahun. Jadi, maknanya dua campur tiga;
- (iii) majikan mendapatkan perlindungan insuran kesihatan bagi pekerja asing yang datang ke negara ini bagi pekerja-pekerja

yang sah yang melalui saluran-saluran yang tertentu;

- (iv) pekerja asing yang datang bekerja ke negara ini tidak dibenarkan membawa keluarga. Ini kita harap supaya dapat kita membendung masalah-masalah sosial iaitu untuk membesarkan lagi sekolah dan sebagainya.

Tuan Yunof Edward Marinking: Saya ingin penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata, mereka yang bekerja di ladang-ladang ataupun bekerja di negara ini akan dihadkan kepada lima tahun sahaja. Tetapi seperti Yang Berhormat sedar ada kebanyakan di antara mereka yang telah mendapat kad pengenalan biru ataupun kad pengenalan Malaysia dan tidak kurang juga yang telah diiktiraf sebagai warganegara Malaysia sehingga didaftar sebagai pengundi. Jadi, bagaimana mereka itu akan dihalau lagi, diusir lagi keluar sedangkan mereka memegang kad pengenalan yang dikatakan warganegara Malaysia dan dibuktikan pula bila diterima sebagai pengundi yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia bahawa hanya rakyat Malaysia sahaja yang boleh didaftar sebagai pengundi? Jadi, bolehkah kerajaan merombakkan lagi pendaftaran pengundi itu dan juga pendaftaran negara?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat dari Tuaran, perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali dan telah dijawab oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Jadi, saya tidak mahu mengulang jawapan-jawapan yang tertentu tetapi mudah saya mengatakan bahawa apa yang dikatakan tadi lima tahun iaitu pekerja-pekerja yang sah dan kalau selepas lima tahun ia akan dihantar pulang. Selepas itu, jika ia masuk semula ia masuk secara sah. Kalau mengikut undang-undang imigresen seseorang itu tinggal lebih daripada lapan tahun dan mempunyai niat yang baik, orang yang baik, tidak buat kacau dan sebagainya, ia boleh memohon mendapat PR. Jadi, di sini kita dapati bahawa dalam undang-undang imigresen ada peraturan-peraturan tertentu di mana jika seseorang itu tinggal lebih lama lagi di sini dengan niat yang baik, kerajaan boleh menentukan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta sambung esok ya. Masa untuk hari ini sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.